

BAB I

AL-QUR'ĀN DAN PENGAJIANNYA

BAB PERTAMA

AL-QUR'ĀN DAN PENGAJIANNYA

1.0 PENGENALAN

Al-Qur'ān telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui Malaikat Jibrīl A.S. Setiap kali Nabi Muḥammad S.A.W menerima ayat-ayat tersebut baginda akan menyampaikan kepada para sahabat. Sesetengah sahabat merakamkan ayat tersebut dengan menulisnya pada pelepas tamar, belulang, kepingan batu yang nipis dan bahan-bahan lain. Kebanyakan sahabat lebih menekankan kepada penghafalan ayat-ayat tersebut, Oleh yang demikian, terdapat ramai sahabat yang hafal 30 juzuk dan menghayati al-Qur'ān. Pengumpulan ayat-ayat al-Qur'ān telah bermula pada zaman khalīfah Abū Bakar al-Siddīq berikutan dengan kematian ahli *qurrā* yang ramai dalam perang Yamāmah. Tugas pengumpulan dan menulis adalah begitu berat sekali sehingga berjaya menjadikannya salinan al-Qur'ān. Salinan tersebut disimpan sehingga beliau meninggal dunia. Kemudian, salinan itu disimpan oleh khalīfah 'Umar bin al-Khaṭṭāb R.A. Kemudian, salinan itu disimpan oleh Ḥafsah binti 'Umar. Semasa 'Uthmān ibn 'Affān R.A khalīfah ketiga, telah timbul masalah sebutan yang berbeza bagi tulisan yang sama. Beliau meminta agar Ḥafṣah R.A menghantarkan salinan yang ada padanya, sebagai panduan untuk mengeluarkan salinan al-Qur'ān yang diseragamkan sebutannya. Beliau juga mengarahkan, supaya sebutan dibuat dalam dialek *Quraisy*. Bentuk al-Qur'ān yang dihasilkan ini dinamakan "*Rasm 'Uthmānī*" dan inilah bentuk yang ada dan digunakan hingga hari ini.

Kesemua itu, adalah proses mengekalkan amalan pengajian, pendidikan al-Qur'ān dari permulaan al-Qur'ān diturunkan sampai ada di atas sepuluh anak jari yang boleh kita rasa dengan tangan, membaca, menghafal, merenung dan memikir dengan


hati dan akal dan beramat isi kandungan dengan anggota dan *Insyā Allāh* akan dimasukkan ke syurga dengannya.

Dalam bab ini penulis akan mengurai semua tajuk yang ada hubung kait dengan al-Qur'ān dan proses pengajiannya, di antara tajuk pembahasan ialah definisi al-Qur'ān, nama-nama, huruf-huruf dan surah-surah al-Qur'an, tujuan diturunkan dan keperluan diturunkan, kelebihan membaca, menghafal dan beramat, definisi pengajian, sejarah pengajiannya, al-Qur'ān pada zaman Nabi, khulafā' al-Rāsyidīn dan akhir pembahasan bab ini dengan pengajian al-Qur'ān di Tanah Melayu.

1.1 TAKRIF AL-QUR'ĀN

1.1.1 Definisi al-Qur'ān dari Segi Bahasa

Ulama' bahasa Arab dan ilmu Bayān ada beberapa pendapat yang berbeza berkenaan definisi al-Qur'ān dari asal kalimah atau *isyiqāq*, dari perkataan : مَكْتُوبٌ 'maqrū' wazan *Maktub* iaitu yang dibaca dan yang ditulis, asal perkataan قُرْأَةٌ *qara'a* risālat *qirā'atan* قُرْءَانًا *qurā'ānan* iaitu bertutur dan berkata dengan apa yang ditulis di dalamnya, seperti firman Allāh Ta‘ālā.



Al-Qiyāmah 75: 18

Maksudnya :

Apabila Kami telah selesai membacakan nya maka ikutilah bacaannya itu.

Adapun perkataan الْأَقْرَاءُ *al-Aqrā'* maksudnya أَفْصَحَ قِرَاءَةً *afṣah qirā'atan*, maka ini yang dimaksudkan dengan memberi tumpuan di atas surat yang dibaca serta mengulangi dan membuat kesimpulan. Perkataan al-Qur'ān dengan makna *mashdar* dimaksudkan dengan isim maf 'ūl atau kata objektif iaitu kata nama yang kena buat maksud dengan yang dibaca, pendapat ini dimaksudkan dengan الجَمْعُ *al-Jam'* dengan maksud himpun dan dinamakan dengan قُرْءَانًا *Qur'ānan*, kerana dihimpun dan dicantumkan

surah-surah, berkata Ibn al-‘Athīr¹⁵ : asal lafaz al-Qur’ān itu ialah himpun semua perkara dan dinamakan “*Qur’ānan*” kerana ia menghimpunkan kisah-kisah, perintah, suruhan, larangan, perjanjian baik, balasan jahat, ayat-ayat dan surah-surah setengah dengan sesetengah yang lain. Ia adalah *masdār* kata nama terbitan seperti ﴿غُفران﴾ *ghufrān* dan ﴿كُفْرَان﴾ *kufrān*. Mengikut pendapat al-Rāghib¹⁶, al-Qur’ān ibarat percantuman huruf dan perkataan setengah dengan setengah yang lain di dalam bacaan.

Pendapat ketiga, al-Qur’ān adalah nama khas bagi Kitab Allāh S.W.T.. Diriwayatkan dari Imam al-Syāfi‘ī, dia berkata: al-Qur’ān adalah nama kepada *kalām Allāh* S.W.T yang diturunkan, tidak ada perkataan pecahan darinya. Imam al-Syāfi‘ī telah membaca al-Qur’ān dari ‘Ismā‘īl ibn Qastantīn berkata : ” Al-Qur’ān itu bukan terbitan nama *maḥmūz* iaitu perkataan yang di akhirnya hamzah dan tidak diambil dari perkataan قَرَأْتَ *qara’tu* , bahkan ia adalah nama kepada kitab Allah S.W.T seperti *Taurāt* dan *Injīl*.¹⁷ Kalau ianya diambil dari perkataan قَرَأْتَ *qara’tu* nescaya semua benda yang dibaca boleh dinamakan al-Qur’ān.¹⁸

Pendapat yang paling tepat ialah yang pertama kerana hampir kepada makna yang digunakan dalam istilah bahasa dan juga lafaz al-Qur’ān, iaitu huruf *hamzah* padanya adalah huruf asal bukannya tambahan dan diringangkan bacaan dengan *dihazafkan hamzah* dan dibawa ke *harakat* sebelumnya dengan bacaan al-Qur’ān.¹⁹ Dr. Șubhī al-Şāliḥ berpendapat kalimah al-Qur’ān berasal daripada perkataan قَرَاءَةً *qaraā*. Al-Qur’ān itu adalah *masdār* dengan erti إِسْمُ مَفْعُولٍ *isim maf’ūl* iaitu مَفْرُوضٌ *maqr’u* yang dibaca .²⁰ Dia berhujah dengan ayat 17- 18 dalam Surah Qiyāmah,

¹⁵Ibn Manzūr (2003), *Lisān al-Arab*, j.7 Kaherah : Dār al-Hadīth, h. 273.

¹⁶Subh al-Saleh.(1977), *Kajian al-Quran* , Zainal Abidin Abdul Kadir (terj.) Kuala Lumpur, h 4-5.

¹⁷Ibn al-Manzur(2003) *op.cit.* j. 7 h. 273- 274

¹⁸Al-Suyuti (t.t), *Al-I’tqān fi Ulum al-Qur’ān*, Kaherah : Maktabah Taufiqiyah, h. 152

¹⁹Sabrah al-Husainī Marsī al-Rafā‘e(2001), *Dirāsāt fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Misriyah, h.10

²⁰Şubhī Şalleh (1977). *op.cit.*, h.6

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعهُ وَقُرْءَانَهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ
فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ

Al-Qiyāmah 75: 17-18

Maksudnya :

Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan Al-Qur'ān itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); Apabila Kami telah selesai bacaannya maka ikutilah bacaannya itu.

Yang dimaksudkan himpun ialah dihimpunkan dalam hati sebagai hafalan dan cantuman di lidah ketika membaca, dan seperti itu juga al-Qur'ān sebagai kitab yang menghimpunkan semua kandungan dari kitab-kitab dahulu, firman Allah Ta'ālā ,

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقاً لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ

وَمُهَمِّمَنَا عَلَيْهِ ...

Al-Māidah 5: 48

Maksudnya :

Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Qur'ān) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya.

Lafaz al-Qur'ān bukan *ma'rifah* dengan alif dan lam. Ulama' yang berpendapat bahawa lafaz al-Qur'ān itu *Hamzahnya* adalah asal kalimah ialah dari Kata Al-Zajjāj²¹ "Hamzah huruf asal pada perkataan al-Qur'ān atas *wazan* فَعْلَانٌ *fū'lān*. diambil dari perkataan القراءة al-Qur'ān maknanya menghimpun.²² Al-Līhyānī²³ berpendapat bahawa perkataan al-Qur'ān itu kata asal yang *mahmuz* atas *wazan* الْغُفْرَانَ *al-Ghufrān*. diambil dari kata kerja *qaraā* membaca dinamakan مَقْرُؤٌ *maqrū'* yang dibaca, dengan *wazan* مَفْعُولٌ *maf'ūl* perkataan kena buat dengan *masdar*.²⁴

Kesemua definisi boleh diterima sama ada cantuman dan himpun oleh kerana مَقْرُؤٌ *maqrū'* apa yang dibaca itu pasti hasil daripada cantuman huruf-huruf dan perkataan-perkataan serta sesetengah dengan setengah yang lain. Al-Qur'ān diibaratkan

²¹Al-Zajjāj ;Ialah Ibrahim bin al-Sari, bergelar Abu Ishāk, w.311 H. pengarang kitab : *Ma'āni al-Qur'ān*

²²Subḥī Ṣāleḥ (Dr.) (1977) *op.cit.*, h. 5

²³Al-Līhyānī ; Ialah Abū Ḥasan 'Alī bin Ḥazim. Seorang pendeta bahasa yang terkenal. w.215 H.

²⁴Al-Suyūṭī,(t.t.),*op.cit*, h. 154

himpunan atau gabungan ayat-ayat dan surah-surah serta sesetengah dengan setengah yang lain. Al-Qur'ān sebagai koleksi yang lengkap bagi ilmu-ilmu agama Allah S.W.T menjadikan al-Qur'ān sebagai asas perundangan, dustur dan perlombagaan agama yang sempurna dan nikmat yang paling berharga.

1.1.2 Takrif al-Qur'ān dari Aspek Istilah

Al-Qur'ān al-karīm adalah kitab yang tinggi dan lagi masyhur. Al-Qur'ān terkenal pada setiap golongan manusia. 'Ulamā' telah memberi beberapa definisi yang berbeza. Imam al-Ghazālī berpendapat, al-Qur'ān perkataan yang terdiri daripada zat Ilahi. Adapun yang sampai kepada kita ialah nukilan tulisan *mushaf mutawātir*.²⁵ Pandangan Shaykh 'Abd al-Qādir 'Audah: al-Qur'ān ialah kitab Allah S.W.T yang diturunkan ke atas RasulNya Muhammad S.A.W dan dinukilkan dalam bentuk *mushaf* yang dimulakan dengan surah al-Fatiḥah dan ditamatkan dengan surah an-Nas.²⁶ Adapun Maḥmud Syaltūt membawa definisi bahawa al-Qur'ān ialah lafaz Arab yang diturunkan ke atas Muḥammad yang disampaikan kepada kita dengan *mutawatir*, berterusan dan berturut-turut²⁷. Mengikut Ḥasan al-Banna al-Qur'ān ialah dustur perlombagaan yang *jāmi'* atau *universal* dan menyeluruh. Bagi hukum-hukum Islam, ia adalah sumber yang mengeluarkan kebaikan dan hikmah kebijaksanaan ke atas hati-hati orang mukmin, dan ia *afḍal* dalam ibadat kepada Allah S.W.T.²⁸ Al-Qur'ān ialah *kalām* Allah S.W.T yang diturunkan ke atas Nabi Muḥammad S.A.W. Bacaannya adalah ibadat. Setiap surah adalah mencabar, dan disampaikan dengan mutawatir iaitu berturut-turut dari awal surah al-Fatiḥah sehingga akhir surah an-Nās.²⁹ Menurut 'Ulamā' *al-kalām*, al-Qur'ān ialah : *Kalām* yang *ghaib* dan *azali* daripada Zat Allah yang mana ia sentiasa bergerak

²⁵Şabrah al-Ḥusainī Marsī al-Rafaī (Dr.)(2001) *op.cit* h.13

²⁶Abdul Qādeer 'Audah (1985), *al-Tasyri'i al-Janā'i al-Islāmiy: Muqāranan bi al-Qānūn al-Waḍ'i*, Silsilah al-Thaqāfah al-'Ammah, cet.4, j.1. Beirūt : Dār al-Iḥyāt Turāth al-'Arabī, h. 165.

²⁷Maḥmūd Syaltūt (t.t), *al-Islām Aqīdah wa Syār'iyyāh*, cet.2, Kaherah: Dār al-Qalam al- Nath, h.492

²⁸Hasan al-Bannā, *Majmū'ah Risālah al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna*, Syria: al- Mu'assasah al- Islamiyyah li al-Tibā'ah wa al-Šāhīfah wa al-Naṣr, h.353

²⁹Şabrah al-Ḥusni Mursi al-Rifa'i (Dr.)(2001) *op.cit*. h : 14

dan tidak ditimpa apa-apa bencana. Menurut pendapat Imam al-Syaukānī³⁰ Al-Qur’ān ialah : *Kalam Allah* yang *azali* dan diturunkan kepada Nabi Muḥammad S.A.W yang dibaca dengan lisan dan dipindahkan kepada kita secara *mutawātir*. Melihat kepada beberapa definisi dari tokoh-tokoh keilmuan Islam didapati ada perbezaan dari segi lafaz, tetapi sama atau hampir sama dari segi makna dan maksudnya. Secara amnya definisi-definisi tadi adalah menyeluruh, lengkap dan tidak terkeluar dari garisan sebenar yang digariskan oleh Islam.

1.1.3 Nama-nama Al-Qur’ān

Allah S.W.T mengkhususkan nama-nama kepada al-Qur’ān yang tidak pernah ada pada kitab-kitab yang terdahulu, ini menunjukkan kemuliaan dan kedudukannya yang tinggi. Allah S.W.T menamakan dengan nama-nama yang banyak dalam al-Qur’ān, setiap nama memberi erti dan makna tersendiri. Al-Ḥarārī berpendapat nama al-Qur’ān lebih dari 90 nama. Syaekh Ṣāleḥ Ibrāhīm al-Balīḥī³¹ menyebut bahawa ayat yang menyatakan tentang nama-nama al-Qur’ān sebanyak 453 ayat dan nama-nama al-Qur’ān sebanyak 46 nama sahaja, adapun apa yang sebut oleh al-Harārī itu bukan nama semata-mata bahkan sifat kepada al-Qur’ān. Syaekh Al-Zarkāṣyī berkata al-Qur’ān mempunyai 55 nama. Ada yang menyatakan nama al-Qur’ān ialah 66 nama.³² Di sini penulis akan membawa beberapa nama masyhur bagi al-Qur’ān di antara iaitu; -

1.1.3 (a) Nama Al-Qur’ān

إِنَّ هَذَا الْقُرْءَانَ يَهْدِي لِلّٰتِي هُنَّ أَقْوَمُ...

Al-Isra’ 17: 9

Maksud ayat :

Sesungguhnya al-Qur’ān ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul....

³⁰Şubhī Ṣāleḥ (Dr.) (1977) *op.cit.*, h. 26-27

³¹Saleh Ibrāhīm al-Balīḥī (1397), *al-Huda wa al-Bayān fī Asmā’i al-Qur’ān*, Saudi :Matabah Jāmi‘ah Imām Muḥammad Ibn Sa‘ūd al-Islāmiyyah, h : 37-38

³²Şubhī Ṣāleḥ (1977). *op.cit.*, h. 30

1.1.3 (b) *Al-Kitāb*

ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Al-Baqarah 2: 2

Maksud ayat :

Kitab al-Qur'ān ini, tidak ada sebarang syak padanya; ia menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa.

1.1.3 (c) *Al-Furqān*³³ juga adalah nama bagi al-Qur'ān ertiannya membezakan, kitab yang membezakan *al-haqq* (kebenaran) dengan *al-bāṭil*.

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلنَّعِيمِينَ نَذِيرًا

Al-Furqan 25: 1

Maksud ayat :

Maha berkat Tuhan yang menurunkan Al-Furqān kepada hambaNya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.

1.1.3 (d) *Al-Dhikr* ialah peringatan kerana al-Qur'ān kitab yang mengandungi pengajaran, petunjuk dan cerita umat-umat terdahulu sebagai peringatan.

نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Al-Hijr 15: 9

Maksud ayat :

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'ān, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

1.1.3 (e) Nama *Al-Roh* diibaratkan roh oleh kerana al-Qur'ān yang menghidupkan jiwa dan hati yang mati.³⁴

وَكَذَلِكَ أَوَحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ...

Al-Syura 42: 52

³³Al-Suyuti. (t.t.), *op.cit.*, j.1 h.151-154

³⁴*Ibid* ., h.154-155

Maksud ayat :

Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) roh (al-Qur'ān) sebagai perintah Kami;

1.1.3 (f) *Al-Tanzīl* iaitu turun, al-Qur'ān yang diturunkan dari Tuhan Yang Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang³⁵

تَنْزِيلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Fussilat 41: 2

Maksud ayat :

Turunnya Kitab ini dari Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

1.1.3(g) *Al-Hikmah*³⁶ ialah peringatan iaitu al-Qur'ān, tidak berguna bagi mereka yang menutup telinga dari mendengar al-Qur'ān.

حِكْمَةٌ بَلِغَةٌ فَمَا تُغْنِي الْنُّذُرُ

Al-Qamar 54: 5

Maksud ayat:

Itulah satu hikmat (al-Qur'ān) yang sempurna maka peringatan itu tiada berguna bagi mereka.

1.1.3(h) Nama dengan *Kalām al-Allah* yang di maksudkan dengan percakapan Allah S.W.T.

... حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَمَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغُهُ مَأْمَنَهُ ذَلِكَ بِأَهْبَطْ قَوْمًا لَا

يَعْلَمُونَ

Al-Tawbah 9: 6

Maksud ayat :

Sehingga dia (dua orang Musyrikin)mendengar kalam Allah S.W.T (Al-Qur'ān)³⁷ kemudian sampaikan dia ke tempat amannya. Justeru, kerana mereka satu kaum yang tidak mengetahui.

³⁵ Imāduddīn abī al-Fidā' Ismā'īl ibnu Kathīr al-Qurasyī al-Demasyqi (1966), *Tafsīr al-Qurān al-Karīm*, j.6. Beirūt : Dār al-Andalus, h. 158

³⁶ Muḥammad ‘Ali al-Šābūnī(1996), *Šāfwāḥ Tafāsīr*, cet.1, j.3. Kaherah: Dar al-Salam li Ṭibā‘ah wa al-Nasr wa al-Tauzī, h.1423

³⁷ Jalāluddīn Muḥammad Aḥmad al-Mahallī, et al, (1997) *Tafsīr al-Jalālai bi hāmisy al-Muṣṭafā al-Syarīf bi Rasm 'Uthmānī*, cet.2, Kaherah: Dar al-Ḥadīth, h.240

1.1.3 (i) Dan nama al-qur'an dengan *Habl al-Allah* ialah tali Allah.

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا...³⁷

Ali 'Imrān 3: 103

Maksud ayat :

Dan hendaklah kamu berpegang dengan tali Allah (Al-Qur'ān)

Kesemua nama-nama al-Qur'ān di atas menunjukkan nama khas baginya. Di sana ada beberapa nama sebagai nama sifat kepada al-Qur'ān seperti perkataan *al-karīm*, *al-hakīm* dan sebagainya. Dinamakan *Kalām Allah* dengan Qur'ān kerana dibaca dengan lidah, begitu juga dinamakan dengan al-Kitab kerana ia dituliskan dengan kalam, kedua-dua makna tadi memberi maksud hakikat yang ada pada kitab suci al-Qur'ān, dengan nama tersebut memberi isyarat kepada kita sebagai kewajiban bersama untuk menjaga dan mendukung al-Qur'ān pada dua aspek, sama ada aspek *Hafazan* dalam hati dan aspek *kitabah* atau penulisannya.³⁸ Maka itulah jagaan yang memberi jaminan oleh Allah S.W.T, maka dengan itu kekallah al-Qur'ān terjaga sehingga *syā' Allah*.

1.1.4 Sifat-Sifat Al-Qur'ān

Al-Qur'ān ialah *Kalām Allah* yang Maha Sempurna lagi ideal, dan baginya sifat-sifat yang tidak terhingga, sifat-sifat yang mempunyai maksud tersurat dan tersirat kepada al-Qur'ān itu sendiri, kadang-kadang manusia tidak tersampai dengan hakikat sebenar, sifat-sifatnya memberi rangsangan kebesaran, keagungan dan kesuciannya.³⁹ di antaranya ialah;

1.1.4(a) *Nūrūn* atau *nūr* yang dimaksudkan dengan cahaya dan sinaran kebenaran Nubūwah Muḥammad S.A.W. Firman Allah Ta‘ālā:

³⁸Al-Suyuṭī (t.t), *op.cit.*, h.153

³⁹Ali al-Sābūnī(1996), *op.cit.*, h.15

.. قَدْ جَاءَكُم مِّنَ اللَّهِ نُورٌ وَّكِتَابٌ مُّبِينٌ ..

Al-Maidah 5: 15

Maksud ayat :

...Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Qur'ān) yang jelas nyata keterangannya.

1.1.4(b) *Hudā* ialah yang dimaksudkan dengan hidayah dan petunjuk. Firman Allah S.W.T,

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ
الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ..

Al-Baqarah 2: 185

Maksud ayat :

Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Qur'ān, menjadi petunjuk dan keterangan bagi manusia, yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan antara yang benar dengan yang salah.....

1.1.4(c) *Rahmah* dan *Syifā'* maksud dengan *rahmah* ialah anugerah dan pemberian Allah S.W.T. dan *Syifa'* dimaksudkan dengan menawar dan pengubat penyakit. Firman Allah Ta‘ālā,

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ

إِلَّا حَسَارًا

Al-Isrā' 17: 82

Maksud ayat:

Dan Kami turunkan al-Qur'ān menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan al-Qur'ān tidak menambahkan orang-orang yang zalim kerugian juga.

1.1.4 (d) *Mau‘izah* yang dimaksudkan dengan pengajaran, pengalaman dan contoh yang baik. Firman Allah Ta‘ālā,

يَتَأْمِلُهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَوْعِظَةٌ مِن رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي

الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Yūnus 10: 57

Maksud ayat

Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu mau ‘izah (al-Qur’ān)dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi petunjuk serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.

1.1.4 (e) *Nazīr*⁴⁰ ialah amaran dan peringatan sama ada al-Qur’ān atau Rasul S.A.W, dalam ayat

هَذَا نَذِيرٌ مِنَ الْنُّذُرِ الْأُولَى

Al-Najm 53: 56

Maksud ayat :

ini(Al-Qur’ān) adalah pemberi amaran yang telah lalu!

1.1.5 Huruf–huruf al-Qur’ān

Ḩurūf atau Ḥarf⁴¹ ialah tepi, pinggir, mengetepikan atau sebelah, dikatakan seorang itu meminggaikan sesuatu apabila tidak berminat.⁴² Dinamakan dengan huruf Mabāñi kerana dibina dan disusun dengannya untuk menjadi perkataan atau kalimah dan juga dikenali sebagai huruf Ma’āñi dari gabungan huruf yang akan memberi makna dan maksud kepada sesuatu. Perkataan tersusun bermula dari satu huruf atau lebih atau dikenali sebagai *Hurūf Ijāiyah* hurufnya sebanyak 28 huruf. bagi Haji ‘Abd al-Qādr Liyung *Hurūf Ijāiyah* mengandungi 29 huruf dan semuanya adalah konsonan. Jumlah bunyi asas bagi semua huruf konsonan ialah 28 huruf.⁴³ Kesemua huruf dalam al-

⁴⁰Nizāmuddīn al-Ḥasan bin Muḥammad bin Ḥusain al-Qamhī al-Naisābūrī (w.728 h.), Ibrāhīm’Āṭuwah ’Iwād (tāḥqīq)(1969) *Għaraib al-Qur’ān wa Ragħaib al-Furqām*, cet.1 j.27. Mesir: Matbā’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalbī wa Aulādi, h.44. dan lihat: Abi ‘Abd Allah Muḥammad Ibn Aḥmad Anṣārī al-Qurtūbī (t.t), *Tafsīr Qurṭubī*, j.17. Mesir: Maktabah at-Taufiqiyyah, h.95

⁴¹Ibrāhīm Muṣṭafā., et.al (1972), *Al-Mu’jam al-Wast*, Istanbul: Majm’ā al-Lughah al-‘Arabiyyah Idārah al-‘Ammāh li Majmū’at wa Ihyā al-Turāth, al-Maktabah al-Islamiyyah li Tibā’ah wa Nasr wa al-Tauzi’e, h.167

⁴²Mahmud Yunus (t.t), *Kamus Arab-Indonesia*, Jakarta :Yayasan Penyelenggara penterjemahan al-Qur’ān, h.235

⁴³Haji ‘Abdul Qāder Liyung (2001), *Tajwid al-Qur’āaa*, Pustaka Salam, h.4

Qur'ān adalah sebanyak 323,671 huruf.⁴⁴ Dalam al-Qur'ān yang ada pada permulaan surah dinamakan dengan *fawātiḥ al-ṣūar* iaitu pembukaan surah. Dalam al-Qur'ān juga terdapat 29 surah yang dimulakan dengan *hūrūf hijaiyah* atau dikenali sebagai *hūrūf mīqāṭa 'ah*, surah-surahnya seperti berikut al-Baqarah, al-‘Imran, al-‘Araf, Yūnus, Yūsuf, Hūd, al-Ra‘d, Ibrāhīm, al-Hijr, Maryam, Thāhā, al-Syurāā, al-Naml, al-Qasas, al-‘Ankabūt, al-Rūm, Luqmān, al-Sajdah, Yāsīn, Shāād, al-Mu’min, Fushshilat, al-Syūrā’, al-Zukhruf, al-Dukhān, al-Jātsiyāt, al-Ahqāf, Qāāf dan al-Qalam. Al-Qur'ān mengandungi 30 juzuk, 60 ḥizb, 240 rub‘, 114 surah, 6236 ayat, 77437 perkataan, 323671 huruf dan 150681 titik.⁴⁵

1.1.6 Ayat-ayat dan Surah-surah al-Qur'ān

Ayat al-Qur'ān ialah kelompok perhimpunan huruf-huruf dan rangkaian perkataan yang berasingan di antara ayat sebelum dan selepasnya. Berkata al-Zamakhsyari ayat-ayat al-Qur'ān ia adalah *taufiqī*, bagi Ibn al-Durais⁴⁶ semua ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Qur'ān sebanyak 6,616 ayat. Kata al-Imām al-Dānī⁴⁷ sanadnya kepada Nāfi‘ al-Qāri yang diriwayatkan oleh al-Imām Abī Ja‘far Yazīd bin al-Qa‘qā‘ dari Imām Syībah bin Naṣah tuan kepada Umm Salmah isteri Nabi S.A.W bilangan ayat al-Qur'ān 6,210 ayat, cuma yang menjadi khilaf⁴⁸ ada yang menambah dan mengekalkan jumlah tersebut.

Ayat-ayat yang terdapat dalam surah, tidak semestinya wahyu yang diturunkan pada waktu atau tempat yang sama. Bagi setiap surah, jumlah ayat yang tertentu baginya, susunan ayat menurut apa yang ditentukan dan diajarkan oleh Rasulullah S.A.W. Ayat-ayat al-Qur'ān yang mengikut masa penurunan dibahagikan kepada dua bahagian :-

⁴⁴Al-Suyūtī,(t.t) *op.cit.*, h.195

⁴⁵Hasbi Ashshiddiqi, *et al*, (t.t), *op.cit.*, h.17

⁴⁶Al-Suyūtī,(t.t) *op.cit.*, h. 195-196

⁴⁷Riḍwān bin Muḥammad bin Sulaimān al-Maknī (1992), *Syarḥ al-‘Allāmah al-Mukhallīlātī*, *Al-Qaul al-Wajīz fī Fawāṣil al-Kitāb al-‘Azīz ‘alā Nāzimah al-Żuhr, lil Imam al-Syātibī*, Madinah : Ważārah al-I'lān, h.43

⁴⁸Untuk penerang selanjutnya sila rujuk : *Manāhil al-‘Urfān fī ‘ulum al-Qur'ān lī Syaekh Muḥammad abd al-‘Azīm al-Żarqānī* , h.242 dan rujukan di atas.

- a. Ayat yang diturunkan di Makkah atau sebelum Nabi berhijrah ke Madīnah, maka ayat ini dinamakan Ayat Makkiyah.
- b. Ayat yang diturunkan di Madīnah atau diturunkan selepas Nabi berhijrah ke Madinah dinamakan Ayat Madaniyah.

Perkataan Sūrah ialah pengumpulan ayat-ayat, Surah ialah nama khas dan *taufiqī* dari Nabi S.A.W.⁴⁹ Jumlah surah yang terdapat dalam al-Qur’ān ialah 114 surah.⁵⁰ Setiap surah ada satu nama. Ini adalah kebanyakan dan ada juga dua nama atau lebih.⁵¹ Ada yang berpendapat hanya 113 surah sahaja seperti Abū Syaykh berpendapat surah *Anfāl* dan *Barā’ah* adalah satu surah.⁵² Susunan kandungan al-Qur’ān tidak dibuat mengikut kronologi dan beberapa ayat digabungkan untuk menjadi satu surah. Sūrah yang paling pendek iaitu sūrah *al-Kauthar* dan yang paling panjang ialah *al-Baqarah* yang mengandungi 286 ayat. Biasanya setiap sūrah dikategorikan kepada dua, sama ada surah *Makkiyah* (kelompok ayat yang diturunkan di Makkah) atau sūrah *Madaniyah* (kelompok ayat yang diturunkan di Madīnah) 114 sūrah tersebut disenaraikan seperti di bawah ;-

Jadual 1.01: Nama-nama Surah

1.al- Fātiḥah	2.al-Baqarah	3.Alī Imran	4.al-Nisāā'
5.al-Mā’idah	6.al-An‘ām	7.al-‘Araf	8.al-Anfāl
9.al-Taubah	10.Yūnus	11.Hūd	12.Yūsuf
13. al-Ra’d	14.Ibrāhīm	15.al-Hijr	16.al-Nahl
17.al-Isrāā’	18.al-Kahf	19.Maryam	20.Thāhā
21.al-A’nbiyāā’	22.al-Hāj	23.al-Mu’mīnūn	24.al-Nūr
25.al-Furqān	26.al-Syu‘ārāā’	27.al-Naml	28.al-Qashash
29.al-‘Ankabūt	30.al-Rūm	31.Luqmān	32.al-Sajdah
33.al-Aḥzāb	34.al-Zukhruf	35.Sabāā’	36.Fāthir
37.Yāsīīn	38.al-Shāfāt	39.Shāād	40.al-Zumar
41.al-Mu’min	42.Fushshilat	43.Al-Syu‘arāā’	44.al-Dukhān
45.al-Jatsiyāh	46.al-A’hqāf	47.Muhammad	48.al-Fath

⁴⁹Muhammad al-Šādiq al-Qāmī(2003), *al-I’jāz wa al-Bayān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, Kaherah: Maktabah Syurūk h.30

⁵⁰Al-Suyuti (t.t), *op.cit.*, h.191

⁵¹*Ibid.*, h.158

⁵²*Ibid.*, h.191

Sambung Jadual 1.01

49.al-Hujurāt	50.Qāaf	51.al-Dzāriyāt	52.al-Thūr
53.al-Najm	54.al-Qamar	55.al-Rahmān	56.al-Wāqi’ah
57.al-Hadīd	58.al-Mujādalah	59.al-hasyr	60.Mumtahinah
61.al-Shāf	62.al-Juma’ah	63.al-Munāfiqūn	64.al-Taghābun
65.al-Thalāq	66.al-Tahrim	67.al-Mulk	68.al-Qalam
69.al-Hāqqah	70.al-Ma‘ārij	71.Nuh	72.al-Jin
73.al-Muzammil	74.al-Muddatstsir	75.al-Qiyaamah	76.al-Insan
77.al-Mursalat	78.al-Nabā’	79.al- Nazi‘āt	80.‘Abasa
81.al-Takwīr	82.al-Infithār	83.al-Muthaffifīn	84.al-Insyiqaq
85.al-Syams	86.al-Burūj	87.al-Thāriq	88.al-‘Alā
89.al-Ghāsyiyāh	90.al-Fajr	91.al-Balad	92.al-Lail
93.al-Dhuhā	94.al-Syarh	95.al-Tīn	96.al-’alaq
97.al-Qadar	98.al- baiyinah	99.al-Zalzalah	100.al-‘Ādiyāt
101.al-Qāri‘ah	102.al-Humāzah	103.al Ashr	104.al-Takātsur
105.al-Fil	106.Quraisy	107.al-Mā‘ūn	108.al-Kautsar
109.al-Kāfirūn	110.al-Nashr	111.al-Lahab	112.al-Ikhlah
113.al-Falaq	114.al-Nas		

Sumber: *Fihris asmā al-sūar bī Riwayah Hafs al-‘Asīm al-Kūfī, Majma‘ al-Mālik Fahad li Tibāah.*

Selain membahagikan al-Qur’ān kepada beberapa surah, al-Qur’ān juga dibahagikan kepada bentuk *juz* atau *juzuk* yang mengandungi 30 *juz* dalam 60 *hizb* pembahagian kepada 7 *manāzil*.⁵³ Pembahagian tersebut dilakukan bertujuan memudahkan mereka yang hendak menghabiskan pembacaan al-Qur’ān dalam tempoh sebulan atau seminggu.

1.2 AL-QUR’ĀN PADA ZAMAN NABI S.A.W.

Al-Qur’ān adalah wahyu yang dilakukan secara beransur-ansur. Wahyu Pertama diturunkan pada 17 hari bulan Ramadan ketika usianya ke- 41 tahun beliau di dalam Gua Hirā’. Ayat yang mula-mula diturunkan ialah :


أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي حَلَقَ ﴿١﴾ حَلَقَ إِلَّا نَسَنَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَرِ ﴿٤﴾ عَلَمَ إِلَّا نَسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

⁵³Mushaf al-Madinah al-Nabawiyah (t.t), *Al-Qur’ān al-Karim*, Madinah: Majma‘ al-Fahad li Tiba‘ah al-Mushaf al-Syarīf

Maksud ayat :

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan mu yang menciptakan(sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhan mu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena, Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

Sūrah al-'Alaq ayat 1-5 adalah wahyu pertama yang diturunkan. Pendapat ini adalah yang paling *sāhiḥ* yang tidak ada keraguan lagi⁵⁴ dengan *ittifāq ulamā'*.⁵⁵ Ayat-ayat ini yang cukup dengan kemuliaan dan keberkatan, ia merupakan rahmat yang pertama yang dikurniakan Allah S.W.T kepada hamba, hadith dari sayyidah 'Aiṣyah R.A, yang menguatkan pandangan itu,



Maksud hadis:

Aisyah r.a. meriwayatkan katanya : Wahyu yang mula-mula turun kepada Rasul s.a.w. ialah berupa mimpi baik waktu beliau tidur. Biasanya mimpi itu terlihat jelas oleh beliau, seperti jelasnya cuaca pagi. Semenjak itu hati beliau tertarik hendak mengasingkan diri ke Gua Hira⁵⁷ Di situ beliau beribadat beberapa malam, tidak pulang ke rumah isteri. Untuk itu beliau membawa bekalan secukupnya. Setelah bekal habis, beliau kembali kepada Khadhijah untuk mengambil lagi bekal yang secukupnya. Kemudian beliau pergi semula ke Gua Hira'. Hingga satu ketika datang kepada al-Haq (kebenaran atau Wahyu) iaitu sewaktu beliau masih berada di Gua Hira' itu, Malaikat datang kepadanya, lalu berkata : "bacalah ... "

Ada riwayat yang menafikan ayat-ayat ini diturunkan, itu adalah tidak benar. Suruhan mempelajari dari awal surah ini, merupakan awal penurunan yang turun dari al-Qur'an.

⁵⁴Muhammad al-Ṣādiq Qamḥāwī(2003) *Al-‘Ijaz wa al-Bayān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyah, h.46

⁵⁵Ibn Kathīr (1966), *op.cit.*, h. 325-326

⁵⁶Ṣāhiḥ al-Bukhārī (2003) Bab : *fi bade' al-Wahyu*. No.hadith 3 h. 9

⁵⁷Guwa Hirā' ialah bukit yang terletak di kawasan Mekah jarak dengannya 3 kilometer, Hirā' terkenal dengan sebuah gua yang didatangi Nabi S.A.W dan beribadat di dalamnya. Maka di sitolah datangnya Jibril A.S.. lihat : *Mu'jam Buldān*, j3 h. 233-234

Ia merupakan rahmat yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada hamba dan ia juga merupakan surat utusan yang ulung kali ditujukan kepada Rasul Allah S.A.W. Adapun selainnya adalah diturunkan selepasnya.⁵⁸ Kebanyakan ulama' tafsir berpendapat awal-awal surah yang diturunkan dari al-Qur'an dan ulung kali yang Jibrail turunkan ke atas Rasul Allah S.A.W, ketika beliau berada di Gua Hirā' ialah 5 ayat pertama surah al-'Alaq.⁵⁹ Ayat terakhir yang diturunkan ialah pada 9 hari bulan Zulhijah tahun ke-10 dari hijrahnya ke Madīnah, semasa baginda mengerjakan haji Wada' pada hari Jumaat di 'Arafah ketika baginda berusia 63 tahun iaitu; ayatnya

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمْ
... دِينَا إِلَّا سَلَمٌ

Al-Maidah 5: 3

Maksud ayat :

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.

Tempoh penurunan al-Qur'an dari permulaan sehingga penutupnya ialah 22 tahun 2 bulan 22 hari.⁶⁰ dikuatkan oleh Syeikh Ahmad Khudhari dengan beralasan kepada ayat 41 Surah al-Anfāl. Malam yang diturunkan al-Quran dikenali juga dengan malam *lailah al-Qadr* iaitu malam ketentuan dan *lailah mubarak* malam yang cukup dengan keberkatan. Tiap-tiap ayat yang diturunkan, para sahabat akan menghafal dan menulis. Penulisannya sama ada pada batu, kulit binatang, pelepas tamar dan apa saja yang boleh dimuatkan. Nabi mengadakan peraturan untuk mengelakkan kekeliruan. Hanya al-Qur'an sahaja yang boleh ditulis. Selain itu, hadith dan pelajaran yang diberi oleh Nabi dilarang menulis sama sekali. Nabi memberi galakan supaya al-Qur'an itu dihafal, selalu dibaca dan diwajibkan membacanya di dalam solat fardu. Supaya dapat

⁵⁸Aḥmad Muṣṭafa al-Mura'i (1998), *Tafsīr al-Mara'i*, j.10. Beirūt: Dar al-Kutub al-‘Iḥmiyyah j.10 h.456

⁵⁹Abi al-Ḥasan ‘Ali bin Aḥmad al-Wahīdī al-Naisaburi (1994) *al-Wasīt fī Tafsīr al-Qur'an al-Majid*, j.4. Beirūt: Dar al-Kutub al-‘Iḥmiyyah, h.527

⁶⁰Abdul Malik Karim Amrullah, (t.t.) *Pelajaran Agama Islam*, Kelantan :Pustaka Aman Press, h.196-197

melahirkan generasi al-Qur'ān di samping penghargaan mereka yang pandai membaca dan menulis, sehingga Nabi sendiri mempunyai penulisnya seramai 43 orang⁶¹ sahabat. Ketika Nabi S.A.W wafat, al-Qur'ān telah sempurna diturunkan dan telah dihafal oleh ribuan sahabat dan dituliskan semua ayat-ayat. Para sahabat Nabi telah mendengar al-Qur'ān itu dari mulut Nabi berkali-kali, dalam solat, pidato-pidato, khutbah-khutbah dan lain-lain. Dengan pendekatan ini dapat dilihat betapa hebat dan menakjubkan kitab suci al-Qur'ān al-karim itu.

1.3 AL-QUR'ĀN PADA ZAMAN KHULAFĀ AL-RĀSYĪDĪN

Sesudah kewafatan Rasulullah S.A.W, para sahabat dari kalangan *Ansār* dan *Muhājirīn* bersepakat untuk mengangkat Abū Bakr sebagai pengganti baginda sebagai khalifah. Peperangan yang terkenal pada pemerintahannya ialah peperangan Yamāmah, telah menyebabkan gugurnya para *huffāz* sehingga 70 orang syahid. Kesan daripada peristiwa tersebut, 'Umar Ibn Khātāb merasa khawatir dan bimbang lebih ramai lagi para *huffaz* yang akan terkorban sehingga memanggil Saidina 'Umar bertemu dengan Abū Bakr untuk berbincang serta memberi cadangan agar mengumpulkan dan membukukan al-Qur'ān. Pada awalnya cadangan tersebut ditolak oleh Abu Bakr kerana menganggap perkara tersebut tidak pernah dilakukan oleh Rasul Allah S.A.W. Dalam hidupnya ia adalah *bid'ah*. Melalui proses mesyuarat, akhirnya Allah membuka hati Abū Bakr untuk menerima pendapat 'Umar itu⁶². Kemudian Abū Bakar memanggil Zaid ibn Thābit dan sahabat baginda lagi penulis wahyu. Kemudian mereka mula mengumpul al-Qur'ān dari tulisan-tulisan ayat pada daun-daun, pelepas tamar, batu, tanah keras, tulang-tulang dan para sahabat yang menghafal al-Qur'ān. Dalam usaha mengumpul ayat-ayat dan membukukan al-Qur'ān, Zaid bin Thābit bekerja keras dan teliti, semua itu dilakukan

⁶¹Ghanīm Qarūrī al-Ḥamad (1982), *Rasm al-Mushaf :Dirāsah lughāwīyyah Tārīkhīyyah*, cat.1, Baghdad: Al-Iujnāh al-Waṭānīyyah lī Iḥtifāl bī Maṭla' al-Qarn al-Khāmis 'Asyara al-Hijr, h. 96

⁶²Abd al-Rahmān bin Abi Bakr al-Suyuṭī(1952 Muḥammad Maḥyuddid Ḥamid (*tahqīq*), *Tarikh al-Khulafā*, Mesir : Matba'ah al-Sa'ādah, h .71

sebagai usaha menunjukkan kepentingan mengumpul al-Qur'ān dan mengelakkan dari unsur-unsur kepalsuan al-Qur'ān itu berlaku,⁶³ dengan demikian, naskhah al-Qur'ān keseluruhannya ditulis oleh beliau dalam lembaran yang tersusun menurut urutan ayat-ayatnya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Rasul Allah S.A.W. Kemudian, ia diserahkan kepada Abū Bakr. Mushaf tersebut disimpan oleh Abu Bakar sehingga beliau meninggal, kemudian dipindahkan ke rumah 'Umar Bin Khaṭṭāb dan digunakan oleh beliau sepanjang pemerintahannya. Setelah beliau wafat, mashaf tersebut dipindahkan ke rumah Ḥafsah iaitu isteri Rasulullah S.A.W sehingga pengumpulan semula al-Qur'ān pada zaman khalifah 'Uthmān R.A. Pada zaman Abu Bakar, Islam telah memasuki kota-kota Hirah dan Anbar (di Mesopotamia) dan ke pantai Yarmuk di Syria. Pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin Khattab, Islam telah memasuki Bactriane dekat sugai Ayax (Amu Daria) termasuk Armenia dan Azarbaiyan di sebelah timur dan Mesir sampai ke Tripoli di sebelah barat. Pada waktu itu kaum Muslimin berada di merata tempat dan al-Qur'ān menjadi Iman mereka maka timbul perbezaan bacaan dari segi *lahjah* dan dialek mengikut naskhah yang ada pada *qabilah* masing-masing. Berita tersebut sampai kepada khalifah 'Uthmān bin Affān, maka beliau membuat keputusan untuk membukukan al-Qur'ān menjadi naskhah yang sama dari lembaran-lembaran al-Qur'ān yang ditulis di zaman Abū Bakar untuk disalin. maka bermulanya pemprosesan pembukaan al-Qur'ān dengan dilantik lujnah penyelia dan penyelaras yang terdiri daripada Zaid bin Thabit, Abdullah bin Zubair, Sa'īd bin 'Ash dan Abd al-Rahmān bin Hisyam. Di antara tugas mereka dalam membukukan al-Qur'ān ialah dengan menyalin lembaran-lembaran tersebut menjadi buku dengan dipandukan kepada bacaan mereka yang menghafal al-Qur'ān. Sekiranya ada pertikaian antara mereka tentang bahasa dan bacaan, maka haruslah ditulis menurut dialek suku Quraisy. Pembukuan al-Quran yang pertama disiapkan sebanyak 5 buah dan diberi nama dengan

⁶³Ibid., h 20-21

al-Muṣḥaf dan dihantar ke negara-negara Islam seperti : Makkah, Syria, Başrah dan Kufah dan satu salinan di Madinah yang dikenali sebagai *Muṣḥaf al-Iman*. Penulisan dan salinan yang lain diperintah oleh Sayyidina ‘Uthmān supaya dibakar.

1.4 TUJUAN AL-QUR’ĀN DITURUNKAN

Al-Qur’ān diturunkan sebagai pedoman hidup yang mesti dituruti dalam semua hal. Firman Allah S.W.T.

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

al-An’ām 6: 155

Maksud ayat:

Dan ini sebuah Kitab (Al-Qur’ān) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutnya; dan bertaqwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat.

Al-Qur’ān menyertakan⁶⁴ fakta-fakta tertentu, dan di dalam setiap contoh turut disertakan maklumat yang paling tepat yang didedahkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Dalam hal ini, mereka yang mengambil al-Qur’ān dan al-Sunnah sebagai kriteria utama akan terus dibimbing oleh Allah S.W.T. Sesiapa yang mengambil al-Qur’ān dan al-Sunnah sebagai jalan hidup, maka mereka pasti akan menemui cara hidup yang sememangnya jauh berbeza dari manusia lainnya, kerana al-Qur’ān dan al-Sunnah telah menjadi panduan hidup mereka sepanjang masa. Mereka akan sentiasa ingat kepada maksud tujuan kehidupan mereka sepanjang masa. Iaitu untuk menjadi golongan pilihan Allah S.W.T lalu menyerahkan diri mereka bertawakal dengan rasa tenang dan tenteram. Mereka melakukan apa saja tindakan atau peristiwa dalam keadaan suasana mengamalkan perintah Allah S.W.T. Keadaan diri mereka yang sentiasa mempunyai jiwa yang bersih dan mengalami ketenangan roh.

⁶⁴Harun Yahya (2005), *Al-Qur’ān Sebagai Panduan Hidup*, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, h.53
35

Al-Qur'ān telah menggariskan apa yang betul dan apa yang salah. Oleh itu, manusia yang menuruti panduan dan mengikutnya dengan kesedaran hati dan hidayah Allah, di samping membuang segala sifat ketamakan dan mampu menundukkan nafsu serta kepentingan dirinya akan mudah untuk melakukan perintah Allah dan melalui jalan yang benar. Hakikatnya setiap manusia akan mudah memahami al-Qur'ān iaitu sebuah kitab yang mengandungi *mu'jizāt* kerana kesempurnaan akhlak yang digambarkan di dalamnya serta panduan dan perintah di dalam al-Qur'ān sangat jelas dan mudah. Setiap jiwa yang ikhlas yang terbimbing oleh hidayah Allah akan mudah memahami al-Qur'ān dan merasakan tiada kesukaran hidup dengan menghayatinya.⁶⁵ Namun begitu, bagi mereka yang cinta dan takutkan Allah S.W.T serta menyerahkan hati sepenuhnya kepada Allah serta memilih Akhirat lebih utama dari dunia akan memberikan perhatian kepada al-Qur'ān dan bertadabbur dengan ayat-ayat-Nya.

Al-Qur'ān untuk diteliti dan dipatuhi setiap perintah. Oleh itu sunnahnya merupakan interpretasi yang paling benar tentang apa-apa yang dimaksudkan oleh al-Qur'ān. Al-Qur'ān ialah rujukan untuk menyelesaikan sebarang pertikaian, al-Qur'ān sebagai peringatan dengan membawa khabar gembira bagi orang yang taat kepada Tuhan dan amaran keras bagi orang yang melampaui batas. Firman Allah :

كِتَابٌ أُنزَلْ إِلَيْكَ فَلَا يَكُنْ فِي صَدْرِكَ حَرجٌ مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِ وَذِكْرٍ

للْمُؤْمِنِينَ

al-A'raf 7: 2

Maksud ayat :

Al-Qur'ān ini, sebuah Kitab yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad). Oleh itu, janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya, supaya engkau memberi amaran dengan Al-Quran itu, dan supaya menjadi peringatan bagi orang-orang yang beriman.

⁶⁵Ibid., h.55

Al-Qur'ān untuk mengingatkan manusia tentang kejadian mereka dan memahami realiti kehidupan yang sebenar. Manusia dijadikan dengan serba kebaikan dan bukanlah hina-dina. Namun, taraf manusia boleh turun ke peringkat paling bawah dan rendah jika mereka tidak bertakwa kepada Allah S.W.T, Kisah umat zaman silam yang diceritakan di dalam surah al-Qur'ān adalah untuk diambil iktibar dan pengajaran. Kebiasaan kisah-kisah tersebut memberi pengajaran tentang balasan bagi orang yang berjuang kerana Allah S.W.T dan balasan bagi mereka yang menentang Allah S.W.T .

1.5 PENGAJIAN

1.5.1 Definisi Pengajian

Pengajian dari segi bahasa ialah kegiatan belajar membaca atau pembacaan al-Qur'ān.⁶⁶ Pengajian dalam Bahasa Arab berasal dari perkataan درس *darasa* belajar, mengaji dan dengan lafaz jamak دراسات *dirāsāt* iaitu membaca serta ada minat untuk menghafal dan memahaminya⁶⁷ درس دراسة تعلم *darsun, dirāsah : ta'allam : study(ing) learning, education.* atau dalam erti kata lain: *study (ing), consideration, deliberation, thinking about or over, weighing; scrutiny, examinitin, investigation, looking into, explo ation.*⁶⁸ Satu lagi perkataan علم *allama* dimaksudkan dengan “darrasa” درس ‘alima علم iatu dengan maksud : *to know (of), have knowledge (of) ; to be ar become aware of, cognizant of, acquainted with, familiar with, informed of ar about; to learn (about), come to know(about), find out (about), hear (of), get wind(of); to perceive, discern to teach, instruct, school, educate,*⁶⁹ Pengajian ialah satu kegiatan atau pembelajaran yang

⁶⁶Teuku Iskandar (Dr.)(1984), *op.cip.*, h. 474

⁶⁷Ibrahim Mustafa (1972), *et.al, op.cit.*, h. 279.

⁶⁸Ruhi al-Ba'labakki (Dr.)(1997), *Al-Mawrid: Qāmūs Arab-Inggelis,a. Modern Arabic Engglish Dictionary*, Beirut:Dār al-'Imī li Malāyīn, h.541

⁶⁹*Ibid.*, h.775

mengandungi tiga aspek penting; iaitu penyampai (guru), penerima (murid), dan bahan atau maklumat (ilmu).⁷⁰

Pengajian dan pembelajaran mengikut Prof. Madya Dr. ‘Abd. Halim El-Muhammady⁷¹ ialah kaedah dan cara pengajaran yang dapat memberi kesan. Dalam konteks pendidikan sekolah rendah Islam, pengajian al-Qur’ān ialah *Tilāwah* dan *Hafazah*; Sistem ini melibatkan tiga aspek penting iaitu guru, murid dan sukanan al-Qur’ān di bawah unit pengajian al-Qur’ān, Tuntutan Ilahi kepada Rasul Allah S.A.W bukan sekadar mentablichkan dan memberi penerangan sahaja, bahkan menyeluruh termasuk mengajar, mendidik dan tazkiyah jiwa dengan hidayah al-Qur’ān⁷² firman Allah S.W.T.

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَّةِ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّهُمْ إِيمَانِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَبَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Al-Jumā‘at 62: 2

Maksud ayat

Dia lah yang telah menetuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan membersihkan mereka, serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah. Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Mengaji dan mengajar al-Qur’ān mengandungi mengenal huruf-huruf dan pengertiannya serta mengajarkan. Ia adalah semulia amalan.

1.5.2 Istilah *Halaqah* dan Kelas

Kaedah *Halaqah* diteladani oleh pendidik Islam sejak permulaan lagi. Biasanya penuntut-penuntut akan duduk mengelilingi guru dalam bentuk bulatan atau setengah

⁷⁰Rushdi Jubuky (2005) *Pengajian Hadith: Satu Kajian di Sek. Men. Islam Al-Amin*, Gombak Selangor, (Tesis MUS, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.3

⁷¹‘Abd. Halim El-Muhammady (1990), *Al-Quran dan Pembelajarannya di Malaysia*, *Jurnal Pendidikan Islam*, j.3. Selangor: Cetakan Angkatan Belia Islam Malaysia, h.2

⁷²Anas Ahmad Karzun (Dr.) (2004) *Saḥābat al-Rasūl wa Juhūduhum fī Ta'lim al-Qur'ān wa 'Ināyatihī*, cet.2 Jeddah : Dār al-Nūr Maktabat, h.70

bulatan untuk mendengar syarahannya, pada kebiasaannya guru duduk bersandar pada dinding atau tiang masjid dengan menghadap arah kiblat. Sebelum memasuki *Halaqah* guru biasanya memakai kemas, bersih dan memakai bau-bauan serta berwuduk. Mereka duduk dalam keadaan *khusyu'* terutama bagi menyampaikan pelajaran tafsir dan hadith. Pada kebiasaannya, guru memulakan pelajarannya dengan membaca *Bismi Allāh, al-Hamd Allāh*, iaitu memuji Allāh serta berselawat kepada Rasul Allah S.A.W kemudian baharulah memulakan pelajaran.⁷³ Di Malaysia diistilahkan dengan kelas⁷⁴ pengajian al-Qur'ān atau kelas bimbingan al-Qur'ān. Asal perkataan ini ialah daripada istilah bahasa Inggeris atau latin *class, grade* ⁷⁵ فَصْلٌ (مَدْرِسِي) صَفُّ مَدْرِسِي أو دراسي *class* ialah bangsa; darjah; golongan; jenis; kelas; lapisan, darjah; kelas di sekolah.⁷⁶ Menurut istilah yang digunakan dalam Islam dengan lafaz ⁷⁷ - الحَلَاقَاتُ الْفُرَانِيَّةُ *al-halaqaat al-Qur'āniyah* khas untuk majlis ilmu, kelas pengajian atau *halaqah* pengajian al-Qur'ān Al-Ḥalaqāt perkataan jama' dari *halaqah* حَلْقَةً dengan *sukūn* atau matikan *lām* atau *fatah lām* baris di atas *Halaqah* حَلْقَةً kedua-dua boleh digunakan⁷⁷ Dalam istilah bahasa Arab digunakan juga dengan حَلْقَةُ الْبَابِ bingkai pintu, kerana pusingan yang bersambung dan tidak putus, dan تَحْلِيقُ الْقَمَرِ dengan erti kata bulatan bulan, dan تَحْلِيقُ الْقَوْمِ dengan erti kata bulatan bulan, dan في حَلْقَةِ فُلَانْ duduk *berhalaqah-halaqah* bulatan berkumpulan-kumpulan. Atau dengan kata تَلْقَيِ الْعِلْمِ dengan erti kata في مجلسِ عِلْمِه menuntut ilmu di majlisnya⁷⁸ dalam bahasa Latin حَلْقَةُ دِرَاسَيَّةٍ *circle, group; company, body; clique, coterie* atau seminar; colloquium; symposium teach-in⁷⁹, terdapat dalam hadith digunakan dengan

⁷³Hj. 'Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, cet.1, Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.76-77

⁷⁴Istilah *ḥalaqah* dan kelas berbeza mengikut negara dan tempat : diistilahkan dengan *halaqaat* biasa digunakan di negara-negara di timur tengah dan Arab, adapun di Turki diguna istilah *Maktab* dan juga dan di Afrika di istilah dengan *Khalwah* dan *Mahzarah*. Lihat : 'Abdul Mu'ti Muhammad Talimat (2000), *op.cit* h. 22

⁷⁵Rohi al-Ba'labakki (Dr.)(1997) *op.cit.*, h. 827

⁷⁶Daud Baharum, *et.al.*,(1988), *Kamus Pembaca Inggeris-Melayu*, Selangor:Fajar Bakti SDN.BHD, h. 68


⁷⁷Majd al-Din al-Qairuzabadi (1933), *op.cip*, h.1130

⁷⁸Ibrahim Mustafa, *et.al.*(1960) *op. cip*, h 193

⁷⁹Rohi Ba'albaki (Dr.) (1997) *op.cip*, h.486

dikasrahkan حلق *hilaq* seperti lafaz hadith berbunyi ﷺ + ﷼ ﷼ ﷼ ﷼ *hilaq al-Dhikr*

Rasulullah S.A.W mentakrifkan istilah *ḥalaqah* dalam sebuah hadith yang sahih:



Maksud hadith:

... tidak berhimpun satu kaum di rumah Allah-masjid- dengan mereka membaca kitab Allah dan mempelajarinya di antara mereka, kecuali diturunkan ke atasnya ketenangan dan diselubungi dengan rahmat dan malaikat menghempas sayapnya dan Allah menyebut-nyebut nama mereka disisiNya...

Dari hadith tersebut dapat ditakrifkan *ḥalaqah* dengan: Perhimpunan dalam rumah Allah S.W.T atau di mana-mana tempat yang dianggap bersih dan direddai Allah S.W.T (termasuk kelas, rumah, sekolah, bilik dll) untuk mempelajari dan pengajian al-Qur'an pada masa-masa tertentu. Amalan mempelajari atau mengaji al-Qur'an adalah berbagai-bagi kaedah seperti *Talaqqin*, *Hafazan*, *Tasmī'*, *Murajaah*, *Tajwid*, *Tafsir*. Institusi pondok menggunakan pendekatan *ḥalaqah* pembelajaran dijalankan tanpa menggunakan kerusi meja dan disampaikan pelajaran dengan duduk bersila mengelilingi guru dalam bentuk bulatan atau separuh bulatan secara bertemu lutut antara satu dengan lain.⁸²

1.5.3 *Halaqah-ḥalaqah al-Qur'an*

1.5.3(a) *Halaqah al-Nur di Gua Hirā'*

Al-Rūh al-Amīn Jibril A.S turun kepada Nabi S.A.W seketika di dalam gua Hirā'. Disitulah permulaan halaqah pengajian al-Qur'an di muka bumi Allah. Halaqah Al-Nur

⁸⁰Lafaz Hadith : ﷺ ﷼ ﷼ ﷼ ﷼ ﷼ ﷼ Musnad Imām Aḥmad No. hadith :12114

⁸¹Ṣahīh Muslim (*t.t*) op.cip. *Fi Kitab al-Zikr wa al-Du'ā*, Bab : *Fadā'il Ijtima'* 'alā Tilāwati al-Qur'an, Hadith no. 2699 1337-1338, dan 'Al-Baihaqi(1990) op.cit, *Fi Ṣu'bul al-Imān*, Hadith no. 1976, h.338. Abu Daud (*t.t*), Hadith no.1455 h.7

⁸²Hj. 'Abdullah Ishak (1995), op.cit., h78-79

ialah perjumpaan di antara dua al-amin, al-Amin di dunia ialah Nabi Muhammad dan al-Amin di langit ialah Jibril A.S, Peristiwa ini berlaku pada tahun pertama kebangkitan *Nubuwah Muhammadiyah*, bersamaan 17 Ramadhan tahun ke 41 kelahiran Nabi bersamaan 6 Ogos 610 M.⁸³

Hadith Syaikhan:

ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ
 ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ

Maksud hadith:

Aisyah R.A. meriwayatkan katanya : Wahyu yang mula-mula turun kepada Rasulullah S.A.W. ialah berupa mimpi baik waktu beliau tidur. Biasanya mimpi itu terlihat jelas oleh beliau, seperti jelasnya cuaca pagi. Semenjak itu hati beliau tertarik hendak mengasingkan diri ke Gua Hira' Di situ beliau beribadat beberapa malam, tidak pulang ke rumah isteri. Untuk itu beliau membawa bekalan secukupnya. Setelah perbekalan habis, beliau kembali kepada Khadhijah untuk mengambil lagi perbekalan secukupnya. Kemudian beliau pergi pula ke Gua Hira'. Hingga satu ketika datang kepada al-Haq (kebenaran atau Wahyu) iaitu sewaktu beliau masih berada di gua Hirā', Malaikat datang kepadanya, lalu berkata : "bacalah ... "

Perkataan **Iqra'** إِقْرَأْ merupakan permulaan *ḥalaqah* dan perjumpaan yang cukup berkat di antara dua al-Āmīn. *Jabal al-Nūr* pula adalah tempat yang cukup mulia, menjadi tempat perjumpaan *ḥalaqah* ulung diadakan. Selepas itu beberapa tempat lain telah dipilih untuk dijadikan tempat penurunan wahyu dalam tempoh masa selama dua puluh tiga tahun. *Ḥalaqah* itu bertukar ganti dari Makkah ke Madīnah, Bait al-Maqdis, al-Tā'i'f, al-Ḥudaibiyah, Badr, Tābūr di waktu siang, malam, musim panas, musim sejuk, hal keadaan *musafir*, bermukim, berjalan, menunggang, duduk atau berdiri. *Halaqah* al-

⁸³ Abu Ḥasan ‘Ali al-Ḥusni al-Nadawī (2000) *al-Sīrah al-Nabawīyyah*, cet.2, Beirut : Dār al-Kutub, h.116

⁸⁴ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Bab: *Fi Bad' al-Wahy*, no. hadith 3 h. 9

Nūr berlaku pada malam yang bersangatan sejuk sehingga Nabi S.A.W berpeluh⁸⁵ sebagai ternyata dalam hadith ‘Aisyah.

1.5.3 (b) *Halaqah al-Ridwān*⁸⁶

Nabi Muḥammad S.A.W dengan para sahabat duduk bersama dalam mengadakan *halaqah* al-Ridwān,⁸⁷ *Halaqah Riḍwān* iaitu *halaqah* di antara Nabi dan para sahabat untuk menyahut seruan dari Allah S.W.T. Para sahabat mengambil tempat Rasulullah sebagai penerima wahyu, manakala Nabi mengambil tempat Jibril A.S sebagai penyampai apa yang diwahyukan Allah S.W.T. *Dar al-Arqām bin ‘Abī al-Arqām al-Makhzūmī*⁸⁸ dijadikan sebagai tempat pertama diadakan halaqah. Selain itu, ḥalaqah tersebut juga dijadikan sebagai tempat mesyuarat dan mengatur strategi dalam menyampaikan *dakwah Islāmiyyah* bermula pada tahun kelima kenabian.

Halaqah al-Ridwān dibahagikan kepada dua peringkat iaitu Makkiyah dan Madaniyah. *marhalah* pertama di Mekkah ialah usaha untuk menyebarluaskan sinaran haq kepada para sahabat Rasulullah S.A.W di samping *mutalaqqī* al-Qur’ān bersama Rasul Allah S.A.W. Mereka mula menulis dan mencatat ayat-ayat dalam mushaf, dan menghafal dalam dada. Di antara penulis wahyu ialah: Mua’wiyah, Zaid bin Thabit R.A. Kalangan sahabat Nabi S.A.W. yang menghafal al-Qur’ān ialah: Ibn Masūd yang pernah ambil dari Rasul S.A.W. tujuh puluh surah⁸⁹ menceritakannya dalam satu riwayat. *Marhalah* ini boleh dikatakan peringkat penyebaran dalam skop yang sempit iaitu, sulit dan rahsia, tujuan utama ialah *tarsikh* dan menanamkan tauhid serta mendalaminya makna keimanan dalam hati-hati orang mukmin. Mereka juga menghafal dan mempelajari ayat-ayat hafazan yang diturunkan, al-Qur’ān dan dakwah dilakukan

⁸⁵Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bab : *al-Wahy*, Bāb : *Kaifa kān Bad’ al-Wahy*, Hadith no. 2 h. 9

⁸⁶Perkataan al-Ridwān diambil dari firman Allah s.w.t ﷺ surah al-Baiyinat :8

⁸⁷‘Abd al-Mu’tī Muḥammad Talimāt (2000), *op.cit* h.27-28

⁸⁸Saffī al-Rāḥmān al-Mubārkufurī,(1999), *Al-Rāhiq al-Makhtūm*, Beirūt: Muassasah al-Raiyān,,h. 91-92

⁸⁹Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, Bab : fi Faḍāil al-Qur’ān, No.hadith 5000

secara sulit kerana bimbang akan serangan dan kebengisan dari Quraisyi⁹⁰ seperti berlaku terhadap Ibn Masūd R.A. ketika menyuarakan tentang *al-Qur'ān al-karim* di hadapan pembesar-pembesar Quraisy di *bait Allāh*.

1.5.3 (c) *Halaqah Taiyibah*

Halaqah ini ialah *marhalah* kedua di al-Madīnah al-Munawwarah. *Halaqah* ini disebarluaskan dengan lebih meluas. Ahli *halaqah* ini termasuk dalam kalangan kaum Anṣar yang hati jiwa mereka terbuka untuk menerima wahyu Allah S.W.T. dan jiwa mereka telah menerima dan sanggup untuk berkorban. Maka dari marhalah ini, Rasul S.A.W mula menghantar safir-safir⁹¹ baginda dalam usaha memperluaskan halaqah al-Qur'ān al-karim, di antara utusan yang dipilih oleh Nabi S.A.W ialah Mus‘ab bin ‘Umair R.A Beliau telah mengadakan *halaqah* al-Qur'ān bersama As‘ad Zhurarah al-Khazraji R.A dan anak *halaqahnya*, sehingga dikenali dengan *al-Muqrī*.⁹² Kedatangan Rasulullah S.A.W yang bersamanya pancaran *al-Nur* menambahkan lagi sinaran melalui halaqah. Rasul Allah S.A.W sendiri yang mengetuai *halaqah al-Iqra'* dan taklim – pengajian kitab Allah S.W.T dalam suasana penuh di Masjid Rasul Allah S.A.W dengan *halaqah al-Iqra'* Rasul Allah S.A.W sendiri sebagai ketua dan penyelia untuk memastikan pembentukan generasi al-Qur'ān.



Maksud Hadith:

Dari 'Ubādah ibn al-Ṣāmad R.A. beliau adalah anṣār, katanya : apabila ada pendatang –muhibir-, maka Nabi S.A.W akan menemani kalangan kami supaya diajarkan al-Quran, ada seketika pernah Rasul

⁹⁰Ibn Hisyām, *op. cit.*, h.314

⁹¹Diistilahkan dengan safir al-Nabi bi al-Quran al-Karim ialah para sahabat yang menjadi wakil Nabi, membawa kandungan al-Quran ke seluruh kawasan, lihat: *ibid.*

⁹²Al-Muqrī' diistilahkan dengan pembawa atau ketua halaqah yang membawa peranan membaca ayat-ayat al-Qur'ān, lihat : Sirah Ibn al-Hisyam, *op.cit.*, j.1 h.434

⁹³Berkata al-Hakīm dalam kitab al-Mustadrak: “Ṣaḥīḥ al-Isnad”. Dan Imam Ahmad dalam kitab Masnad Imām Aḥmad, No. hadith : 22260

S.A.W. menabalkan aku supaya mengajar seseorang, maka aku memperbacakan dia al-Quran.

Dalam hadith Dari Ibn 'Abbās R.A,⁹⁴ Suatu malam pernah aku membaca dan mengajarkan al-Qur'ān kepada Abd al-Rahmān bin 'Auf dan kami pada masa itu di Minā, dan dia mengajar di kalangan ahli *Suffah*⁹⁵ berkenaan penulisan al-Qur'ān dan dengan kepentingan halaqah al-Qur'ān. Rasul Allah S.A.W. mengahwini seseorang dengan di mas kahwin dengan al-Qur'ān.⁹⁶ Pernah Rasul Allah S.A.W mengambil panji dalam peperangan lalu diberikan kepada ahli al-Qur'ān, seperti yang telah diambil dari Banī Najjar iaitu 'Ammārah ibn Hazam dalam peperangan Tabūk lalu diberi kepada Zaid bin Thabit R.A. Maka tanya 'Umar "Wahai Rasul Allah adakah sampai sesuatu berkenaan diriku kepada kau? " maka jawab Rasul Allah S.A.W.⁹⁷ Tidak , tetapi al-Quran adalah yang diutamakan, pernah Rasulullah S.A.W tanya sahabat⁹⁸ Adakah kamu mahu⁹⁹, suatu pekerjaan yang mendapat keuntungan lebih banyak ? –selepas berlaku peperangan-Tanya lelaki “ ada lagi ke ? ” Sabda Rasulullah S.A.W ialah seorang yang mengajarkan al-Qur'ān.¹⁰⁰

Penyebaran al-Qur'ān di bumi Taiyibah ini, Rasulullah S.A.W sungguh gembira sambil memuji para sahabatnya yang bertilawah al-Qur'ān dengan bacaan yang elok dan bagus serta memerdukan alunan bacaan. Diriwayatkan dalam satu peristiwa ketika 'Aisyah R.A ditanya oleh baginda S.A.W:, dalam satu kenyataan di manakah anda? jawab 'Aisyah: "Aku telah mendengar bacaan seorang sahabat engkau, aku tidak pernah mendengar bacaan dan suara seumpamanya, dan baginda berdiri, aku pun berdiri bersama baginda sehingga dapat mendengar bacaannya, maka baginda berpaling

⁹⁴ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī, Bab : *al-Itiṣām*, No. hadith : 7323

⁹⁵ Imam Ahmad dalam kitab Musnadnya j.5 h.315

⁹⁶ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Al-Bukhari, *Fi fadā'il al-Quran*, No.hadith 4741

⁹⁷ Riwayat al-Ḥakīm dalam kitab al-Mustadrak j.3 h.421

⁹⁸ Al-hakīm fi al-Mustadrak 2044 katanya : " Sahih atas syarat Muslim, di riwayatkan oleh al-Tabrāni dalam *Al-kabīr* no. hadith :8012, dan Majmu' al- Dhawāid katanya : *Rijāl saḥīḥ* j.7 h.342

⁹⁹ Ibn Mājah, *Fi Kitāb al-Iqāmah* dan Ibn Kathir,, *op.cit.*, :*Fi Fadā'il al-Qur'ān : Isnān Jaiyid* h.176

kepadaku dan bersabda : “Ini adalah Salam Maula – Tuan – kepada Abu Huzaifah. *al-Hamd Allah* bersyukur kepada Allah yang menjadikan umatku seumpamanya”

Utusan para *huffāz*, yang dihantar Rasulullah S.A.W pada tahun ke empat hijrah berjumlah tujuh puluh orang dari kalangan sahabat yang digelar dengan al-Qur’ān¹⁰⁰ ke kawasan luar Madinah untuk menyebarkan al-Qur’ān dan mempelajarinya sehingga dibunuh di telaga “Ma’nah Kejadian yang menyebabkan Rasul S.A.W berqunut selama sebulan untuk berdoa ke atas mereka yang membunuhnya.¹⁰¹ Tujuh *huffāz* di zaman Rasul Allah S.A.W yang terdiri daripada¹⁰² : ‘Abd Allah ibn Mas‘ūd, Salim (Maulā Abū Ḥuẓaifah), Muaz ibn Jabal, ‘Ubai ibn Ka‘ab, Zaid ibn Thābit, ‘Abū Zaid ibn al-Sakan dan Abū Dardā’ R.A. ¹⁰³ Abū ‘Ubaidah dalam kitab *al-Qirā’āt al-Qurrā’* dari kalangan sahabat Nabi terdiri daripada muḥājirīn ialah 4 orang Khulafā’ al-Rāsyidīn, Talḥah, Sa‘ad, Ibn Mas‘ūd, Ḥuẓaifah, Salim, Abu Hurairah, ‘Abd Allah ibn al-Sa‘ib, al-‘Ubbād Allah, ‘Aisyah, Ḥafsah dan ‘Umm Salmah R.A. adapun dari kalangan *al-Anṣār* pula ialah ‘Ubbadah ibn al-Samad, Mu’az (yang dikenali dengan Abū Hulaimah) Mujammī’ ibn Jariyah, Faḍl Allah ibn ‘Ubaid, Musalamah ibn Mukhallad dan sesetengah mereka yang mengkhatam hafazannya selepas kewafatan Rasul Allah S.A.W.¹⁰⁴ Pada generasi sahabat dapat membentuk pelapis Huffaz al-Tabī’īn terdiri daripada Sa’id ibn al-Musaiyid,¹⁰⁵ Abū ‘Abd al-Rahmān al-Sulamī, ‘Urwah dari Kufah,¹⁰⁶ ‘Urwah, ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz, Sulaimān, ‘Atāā’, Muaz al-Qārī dan ‘Abd al-Rahmān bin Hurmuz al-‘Araj. Al-Qārī dari Mekkah pula terdiri daripada ‘Atāā’ bin Abī Rabah, Tawūs, Mujāhid, ‘Ikrimah, Ibn Abī Mulaikah dan lain-

¹⁰⁰Digelarkan dengan al-Qur’ān kerana kebanyakan para sahabat tafaqquh ilmu-ilmu agama dan mendampingi diri dengan al-Quran, tidak dipanggil dengan Huffaz difahamkan kerana mereka tidak menghafal semua al-Quran oleh kerana wahyu belum lagi turun dengan sempurna, lihat: ‘Abd al-Mu’tī Muḥammad Talīmat (2000), *op.cit* h.25

¹⁰¹Al-Bukhārī ,(t.t.) Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitab al-Jizyah No. Hadith : 2999

¹⁰²Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Anṣārī al-Qurṭubī,(t.t.), *Al-Jāmi’u lī Ahkām al-Qurān*, Hanī al-Haj, ed, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyah, j.1 h.73

¹⁰³Al-Bukhārī (t.t.) Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb: *Fada’i l al-Qur’ān, Bāb: al-Qurrā’ min Aṣḥāb al-Nabi* S.A.W. No. hadith 4713, 4717 dan 4718

¹⁰⁴Al-Suyuti (t.t), Al-Itqan., *op,cip.*, j.1 h.27

¹⁰⁵Ibn Sa’d, *op.,cip* j.5 h. 137

¹⁰⁶Abd Al-Mu’tī Muḥammad al-Talīmat (2000) *op,cip* h 37

lain. Begitulah tersebarnya kebenaran dan kebaikan sehingga sampai ke Kūfah, Basrah, al-Syām, Mesir dan Yama. Kegiatan *halaqah* al-Qur’ān dan penyebarannya terus meluas ke bumi yang ketandusan al-Qur’ān.

1.5.3 (d) *Halaqah al-Qur’ān di Kufah*

Para sahabat Rasulullah S.A.W yang menjadi guru al-Qur’ān di Kufah terdiri daripada ‘Abd Allah bin Mas‘ūd, beliau sahabat yang cukup alim dan arif dengan ilmu al-Qur’ān. Penghijrahan beliau ke sana adalah arahan dari Khalifah ‘Umar bin Khattāb R.A pada tahun ke tujuh belas hijrah. Kehadiran ‘Abd Allah bin Mas‘ūd membawa sinaran baru kepada penduduk di Kūfah. Masjid-masjid Kūfah dipenuhi dengan ḥalaqah-ḥalaqah yang cukup membawa keberkatan. Maka dari saat tersebut muncullah beberapa halaqah, madrasah, *maahad* dan *jāmi’* yang berkembang sehingga tersebar *manhāj* al-Qur’ān dan memupuk rasa kasih sayang ahli Kufah terhadap kesuciannya. Maṣruq, ialah anak murid kepada Abd Allah bin Mas‘ūd, apabila menceritakan berkenaan *manhāj* gurunya, dia berkata : Tok Gurunya ‘Abd Allah bin Mas‘ūd membaca surah-surah dalam al-Qur’ān dan menceritakan perkara yang berkenaan dengan surah tersebut serta mentafsirkan surah tersebut.¹⁰⁷ Kalangan *Huffāz* dari *Tābi’īn* yang menuntut dari ‘Abd Allah ibn Mas‘ūd ialah: Al-Qamah, al-Aswad, Masrūq, ’Ubaidah, ’Umar bin Syurahbīl, al-Rūbī’ bin Khaitham, ‘Amr bin Maimūn, Abū ‘Abd al-Rahmān al-Sullamī, Zir ibn Hubaisy, Sa‘īd ibn Jubai, Nakhe‘e, al-Sya’bī dan lain-lain.

1.5.4 Para *Huffāz Halaqah al-Qur’ān*

1.5.4 (a) Para *Huffāz* di Basrah

Sahabat Nabi S.A.W yang mulia iaitu Abū Mūsa al-Asya’ārī dia adalah salah seorang *Qurā’* yang masyhur di Madīnah Munawarah. Abū Raja al-‘Atārīdī telah menceritakan

¹⁰⁷Al-Qurtubī,(t.t) op.cit , h.74

berkenaan Abū Mūsa al-Asya‘arī dalam satu *ḥalaqah* al-Qur’ān. Katanya : sering Abū Musa al-’Asya’arī dalam ḥalaqah al-Qur’ān mengelilingi kami ketika kami di dalam masjid Basrah, dan menduduki dalam *ḥalaqah* kami, dan aku melihat kepadanya dengan berputih mata, dan beliau memperbacakan aku surah al-‘Alaq.¹⁰⁸ Selain Abu Musa Al-‘Asya’arī ada beberapa kalangan sahabat yang lain seperti : ‘Ali, Ibn ‘Abbās dan Anas ibn Mālik, dengan usaha dan mujāhadah para sahabat dalam menyampai ilmu al-Qur’ān, maka berhasillah dengan pembentukan generasi al-Qur’ān pelapis di Basrah iaitu: Abū ‘Alīyah, Abū Raja, Nasr bin ‘Asim, Yaḥyā ibn Ya’mur, al-Hasan al-Basrī, Ibn Sirin, Qatādah dan lain-lain.¹⁰⁹

1.5.4 (b) Para *Hufāz* al-Qur’ān di al-Syam

Sahabat Nabi yang hantar ke Baitu al-Maqdis sehingga meninggal di al-Ramlah ‘Ubbādah R.A pada tahun 34 hijrah. Adapun Damsyik iailah Abū Dardā’ pada zaman khalifah ‘Uthmān ibn ‘Aufān ...¹¹⁰ dari Sam bin Musykim katanya pernah Abū Dardā’ menyuruh aku membilan bilangan bacaan al-Qur’ān dengannya, maka bilangannya satu ribu enam ratus lebih.¹¹¹

1.6 ADAB-ADAB DENGAN AL-QUR’ĀN

Perkataan Adab dari perkataan أَدْبَ adaba, masdar أَدْبًا melatih supaya berakhlak mulia dan beradab, atau أَدْبَ dengan dimadkan alif, masdarnya إِدَابًا iaitu menyeru dan menyuruh mereka kepada beradab. تَأْدِيبَ dimaksudkan dengan تَعْلُمَ الأَدْبَ mempelajari adab, seperti ibarat تَأْدِيبَ الرَّسُولِ أَدْبَ الرَّسُولِ beradab dengan adab al-Qur’ān atau adab Sarul. Adapun perkataan الْأَدْبَ ialah melatih, mendidik, mengajar, membetulkan, membela jiwa dan diri seseorang atas apa yang patut diamalkan. Perkataan الْأَدَابَ ialah

¹⁰⁸ Abd Al-Mu’ṭī Muḥammad al-Talīmāt (2000) *op,cip* h.44

¹⁰⁹ *Ibid.*,

¹¹⁰ Husain ‘Atuwan (Dr.), *al-Qiraat al-Qur’āniyah fi Bilād al-Syām*, h.14

¹¹¹ Al-Hafiz al-Dhahabī , *Ma’rifah al-Qur’ān al-Kibar* , h. 37

u'ruf, iaitu perkara yang perlu dilakukan dan dilaksanakan serta direndai melalui kaedah yang jelas serta cara dan *kaifiyat* atau sistem yang teratur¹¹² Dr. Nurdin 'Atir¹¹³ membahagikan adab-adab al-Qur'ān kepada enam bahagian :-

1.6.1 Adab Seorang Guru Al-Qur'ān

Bagi guru-guru al-Qur'ān adab-adab yang perlu dijaga ialah; Ikhlas, bagi setiap guru dan penuntut keikhlasan perkara yang paling utama dan dituntut. Ikhlas ialah pekerjaan hati, ia semata-mata menuntut keredaan Allah sahaja. Ikhlas merupakan asas yang wajib, roh kepada segala amal dan juga kepada segala ibadat, terutama dalam hal al-Qur'ān. Jadikan tujuan dan matlamat al-Qur'ān semata-mata kerana ingin mendekatkan diri kepada Allah S.W.T Jangan sekali-kali menjadikan al-Qur'ān sebagai alat untuk mendapatkan kedudukan di sisi manusia atau mendapatkan apa-apa ganjaran dan sebarang hadiah daripada makhluk. Allah S.W.T tidak sesekali menerima sesuatu amalan kecuali amalan yang ikhlas dilakukan. Ikhlas ialah mengesakan dengan sebenar-benarnya untuk mentaati perintah Allah. Semata-mata kerana Allah S.W.T dan bukan melakukannya kerana makhluk, kepujian manusia, sokongan makhluk dan apa jua sekalipun selain mendampingi diri kepada Allah.¹¹⁴ Ikhlas juga membersihkan akal dari perhatian dan tumpuan makhluk.¹¹⁵ Firman Allah S.W.T

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الَّذِينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ

وَيُؤْتُوا الزَّكُورَةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ

al-Baiyinah 94: 5

Maksud ayat :

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Ugama yang benar.

¹¹²Ibrahim Mustafā, et. al (t.t), *Al-Mu'jam al-Wasīt*, Turki: Al-Maktabah Islamiyyah Istanbul, h. 9-10

¹¹³Nurdin 'Atir (1996), *op.cit.*, h. 272

¹¹⁴Abū Qasīm Abd al-Karīm bin Al-Ḥawāzin al-Qusyairī r.m.(376h-465h) lihat : Al- Nawawi Al-Majmūk Syarh Muhadhdhab, (t.t), j.1 Beirut: Darl al-Fikr, h. 28-29.

¹¹⁵*Ibid.*,

Sabda Rasulullah S.A.W hadith ini adalah sebagai usul kepada Islam.¹¹⁶ Sesungguhnya segala amalan itu dengan niat, dan bagi setiap amalan itu dengan apa yang diniatkan. Bagi membantu dalam proses keikhlasan, guru perlu kepada memperbanyakkan doa supaya timbul keikhlasan dalam diri. Seorang guru perlu banyak bertawajuh serta menghadirkan hati serta jauhkan dari keinginan dunia. Berkata Abū ‘Alī Al-Fudhail ibnu I'yadh¹¹⁷ Meninggalkan amalan kerana manusia adalah ria dan beramal kerana diperlihatkan manusia adalah syirik. Adapun ikhlas adalah kerana Allah.¹¹⁸ Berkata Ruwayyam¹¹⁹: “ Ikhlas ialah tidak berkehendakkan kepada pembalasan gantian di atas dunia dan akhirat dan tidak ada habuan untuk memilikinya.”¹²⁰ kata Yūsuf Ibn al-Husain¹²¹. “ Perkara yang paling mulia di atas dunia ialah Ikhlas”¹²²

Allah S.W.T menurunkan al-Qur'ān suatu kewajipan untuk meninggikan ke atas dunia dan ahlinya, dan tawād‘u ialah merendah diri sesama mukmin dan muttaqīn. Menjadi amaran keras kepada guru al-Qur'ān atau mana-mana guru agama yang menjadikan al-Qur'ān atau ilmu-ilmunya semata-mata untuk mengaut dan meraikan kekayaan dan keuntungan niatnya semata-mata kerana dunia dan kebendaan. Bagi seorang guru al-Qur'ān mereka bertanggungjawab untuk memberikan nasihat¹²³ dan rangsangan kepada pelajar. Membina suasana kelas yang selesa dan tenang. Seorang guru al-Qur'ān memastikan suasana kelas berada dalam keadaan yang tenang dan tidak perlu kelam-kabut semasa mengajar. Mereka juga dapat menerima semua pelajar untuk tasmi‘ tanpa pilihan dan pelajar mestilah menghadap ke Kiblat. Guru boleh menggunakan bahasa isyarat untuk memahamkan makna dan pakaian serta tubuh badan

¹¹⁶Sahih al-Bukhari.,*Bab Bada'a al-Wahy*, Hadith No. 1

¹¹⁷Al-Fuḍīl Ibn I'yād ibn Mas'ud al-Tamimi al-Yarbu'(187-150) lihat : al-Tahdhib j.8 h.294

¹¹⁸*Ibid.*, h. 29

¹¹⁹Ruwayyam ibn Aḥmad ibn Yaziḍ ibn Ruwayyam (t.w. 330) Lihat : *Hulyatul Auliaa'* j 10 h. 296-302

¹²⁰Al-Nawawi, *op.cit.* h. 29

¹²¹Yūsuf ibn Al-Ḥusain ibn ‘Ali, Abū Ya‘qub ar-Rāzī (t.w. 304) lihat : *Tārikh Bahgdādī* j14 h .314

¹²²Al-Nawawi , *op.cit.* h. 29

¹²³الدين نصيحة ، فلنا لمن ؟ قال صلى الله عليه وسلم اللهم وكتابه ورسوله ولأنتم المسلمين وعامتهم hadith di keluarkan oleh Muslim dalam bab : *al-Imān* , h.531 . dan Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (t.t.) al-Bukhārī dalam bab yang sama, h.17

juga mestilah berada dalam keadaan yang bersih, kemas dan tersusun. Terdapat tiga¹²⁴ aspek penting dalam pembentukan seseorang guru yang berjaya iaitu; sahsiah guru, latar belakang pengetahuan yang hendak diajar, dan kaedah atau cara penyampaian.

1.6.2 Adab Seorang Penuntut Al-Qur’ān

Tawaḍ’u dengan guru dan beradab bersama kawan dan rakan. Seorang penuntut ilmu al-Qur’ān perlulah memberi penghormatan kepada gurunya kerana dialah yang akan melengkapkan diri pelajar tersebut dengan ilmu dan kemuliaan, dan dia jugalah orang yang paling banyak memberi manfaat dan petunjuk kepada pelajar, seperti kata Sayyidina ‘Alī ibn Abī Ṭālib R.A : “Hak bagi seorang pelajar terhadap gurunya ialah memberi salam secara umum dan khusus *tahiyah*-kesejahteraan kepada gurunya”, dengan cara menghadap dan duduk di depannya dengan penuh penghormatan dan jangan memberi isyarat dengan menuding jari kepadanya serta jangan melihat dengan pandangan mata yang keras kepadanya.¹²⁵ *Murāja‘ah* dan mengulangi bacaan. Seorang penuntut al-Qur’ān yang berjaya, menjadi kewajipan baginya untuk mendisiplinkan diri dan istiqamah yang berterusan. Tidak memadai bagi seorang pelajar yang membuat ulang kaji untuk kelulusan yang cemerlang di dalam ujian dan peperiksaan sahaja. Malah mereka perlu mengulang apa yang dihafal dan tilawah secara berterusan. Perbuatan itu tidak wajar ditiru oleh pelajar. Ini kerana selepas habis peperiksaan akan kembali semula kejahilan dalam diri seperti orang kekosongan ilmu. Adab *ta’āhub*,¹²⁶ persiapan dengan *tilāwah* al-Qur’ān, dalam penghayatan al-Qur’ān semata-mata mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan berfikir dengan ayat Allah, untuk mendatangkan manfaat sebanyak mungkin dari al-Qur’ān. Bersuci dari ḥadas besar dan kecil adalah syarat untuk mengharuskan *bermu‘āmalat* dengan al-Qur’ān sama ada

¹²⁴ Atan Bin Long (Dr.)(1988), *Psikologi Pendidikan*, cet.4, KL, DBP : Penerbitan Abadi Sdn.Bhd., h.74.

¹²⁵ Nurdin Atir., *op.cit.*, h.275

¹²⁶ *Ibid.*,

membaca dengan hati, memegang mashaf atau tanpa memegangnya. Ini adalah ittifak ‘Ulamā’ al-Fiqah. Adapun orang berjunub, datang haid dan nifas diharamkan atasnya membaca al-Qur’ān cuma diharuskan membaca dengan hati disamping melihat mashaf tanpa menyentuh dan bersuara lafaz. ‘Ulamā’ telah Ijmak mengharuskan bacaan azkar dan zikir selain al-Qur’ān seperti istighfar, selawat doa dan lain-lain adalah disunatkan. Bagi seseorang yang hendak membaca al-Qur’ān hendaklah mereka berwuduk’ dengan sempurna terlebih dahulu. Jika berhadas kecil dengan tanpa menyentuh mashaf diharuskan dengan ‘ijmak Muslimin’ dan tidak makruh. Bersuci jiwa daripada maksiat adalah perkara yang paling utama. Kita disarankan agar menjauhkan diri dari perkara-perkara maksiat dan mungkar kerana perkara-perkara ini akan menjadi penghalang kepada kita dari menghafal al-Qur’ān dan mengulang kaji serta menyekat kita daripada mengingati ayat-ayatnya. Sesiapa yang menjauhkan dirinya daripada perkara-perkara maksiat, maka Allah S.W.T akan membuka pintu hatinya untuk mengingati Allah dan memberi petunjuk serta memudahkannya menghafal dan menghayati isi kandungannya.

Persiapan tempat dan masa. Tempat yang paling sesuai untuk menghafaz al-Qur’ān dengan baik ialah tempat yang jauh dari kebisingan dan hiruk-pikuk. Ini kerana keadaan tempat yang bising akan mengganggu tumpuan fikiran seseorang. Tempat juga mestilah bersih dan *seafdalnya* di masjid dan niat ‘iktikaf di dalamnya adalah lebih utama. Diharuskan membacanya di mana-mana tempat dan hanya makruh di tempat-tempat yang kotor. Dari konteks masa pula, setiap masa diharuskan, tetapi yang lebih utama adalah di dalam solat, waktu malam, separuh akhir malam, di antara Maghrib dan ’Isyak’ dan selepas Ṣubuh.¹²⁷ Walau bagaimanapun jangan ditinggalkan bacaannya hanya kerana alasan masa tidak *afdal*. Tempat yang paling sesuai untuk mengaji al-Qur’ān dengan baik ialah tempat yang jauh dari kebisingan dan hiruk-pikuk. Hal ini kerana, keadaan tempat yang bising akan mengganggu tumpuan fikiran seseorang itu

¹²⁷Al-Nawāwī, *Al-Majmūk* j. 2 h.182-183

terhadap apa yang dibaca dan hafal. Sebaliknya pilihlah tempat yang tenang seperti di rumah, masjid atau di surau kerana tempat ini biasanya tenang, malah kita juga dapat menambahkan pahala seandainya di dalam masjid atau surau. *Siwāk*-bersugi.¹²⁸ Disunatkan bersugi untuk membaca al-Qur'an sebagai tanda penghormatan kepada keagungannya di samping menjaga kebersihan. *Isti'ādhah* iaitu lafaz dan doa perlindungan dan jagaan daripada Allah S.W.T. Jagaan yang dimaksudkan di sini ialah mengelakkan diri daripada tidak diterima amalan kita oleh Allah S.W.T dan terlindung daripada perkara yang tidak diingini, semua perkara ini memerlukan perlindungan daripada Allah S.W.T, kerana bacaan al-Qur'an adalah kitab suci Allah.

Basmalāh merupakan kata-kata aluan untuk meminta pertolongan dan jagaan atas semua perkara yang disebut atas nama Allah. Dengan itu, dijadikan tajuk setiap surah dan pembukaan bagi setiap pekerjaan yang penting. Niat tidak disyaratkan bagi setiap kali hendak membaca dan mengharap pembalasan pahalanya, kerana bacaannya disyaratkan dengan ibadat. Bacaan itu menjadi ibadat dan dijanjikan pahala baginya setiap huruf satu hasanah dan setiap satu hasanah pula sepuluh kali ganda kebaikan.

1.6.3 Adab Membaca Al-Qur'an

Adab yang menjadi asas kepada membaca al-Qur'an ialah; Tadabbur dan tartil. Kedua, adab membaca al-Qur'an ialah memahami, memberi tumpuan dan memerhatikan ayat-ayat yang dibaca.¹²⁹ Ia adalah penting dan digalakkan kepada pembaca al-Qur'an. Dengan penghayatannya ia akan lebih melapangkan dada dan menyinarkan jiwa, Firman Allah S.W.T.

كَتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكُ لِيَدَبْرُوْا ءَايَتِهِ وَلَيَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Al-Sad 38: 29

¹²⁸ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī j.3 h.13

¹²⁹ Hasan al-Bannā' *op.cit.* h. 357

Maksud Ayat:

(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

Tartil ialah meletak sesuatu dengan tersusun, mencantikkan dan menyusunkan susuan dengan tersusun dan teratur¹³⁰ Berkata al-Fakhrur Raži : " tartila ترتيل mafū 'lmutlaq mu'akad mendahului dengan fii'l amar ورتل menunjukkan wajib sesuatu, dengan erti kata lain perkara itu, pasti *tartil* bagi pembaca".¹³¹ Ada yang berpendapat bahawa amar-suruhan di sini ialah sunat sahaja.¹³² Berkata Imam al-Nawawi: pendapat bersepakat bahawa makruh jika bacaan terlalu cepat. Mereka berkata: satu *juzu'* bacaan yang *tartil* lebih baik dari dua *juzu'* yang bacaannya tanpa *tartil* dan bacaan *tartil* akan membawa kepada *tadabbur*, dan impak kepada jiwa.¹³³ firman Allah S.W.T.

﴿أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِلْ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا﴾

Muzzamil 73: 4

Maksud ayat :

Ataupun lebihkan daripadanya; dan bacalah Al-Quran Dengan "Tartil".

1.6.4 Adab Mendengar Al-Qur'an

Tidak ada adab yang dituntut ketika menghayati al-Qur'an kecuali dengan suruhan Allah S.W.T.

﴿وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ، وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ﴾

al-'Araf 7: 204

Maksud ayat :

¹³⁰Ibn Manzur (2003). *op.cit.* J.13 h.281

¹³¹Fakhr al-Rāzī, *op.cit.* j.30 h.173

¹³²Nūrdīn 'Atīr *op.cit.* h. 280

¹³³Al-Suyūti (t.t.), *Itqan*, *op.cit.* j.1 h.299

Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

Maka digalakkan Tadabbur, takhasyu' dan menangis ketika Allah S.W.T memuji ke atasnya, dan kosongkan pemikiran kerana melaluinya diturunkan rahmat dan harapan kurniaan Allah S.W.T. Galakan turut diberikan kepada kita untuk mendengar bacaan daripada orang lain. Orang yang mendengar bacaan al-Qur'an orang lain akan mendapat kelebihan yang besar. Rahmat Allah S.W.T mengiringinya. Seperti kata al-Hanafi:¹³⁴ “Sesungguhnya mendengarkan al-Qur'an adalah lebih afdal dari membacanya sendiri, kerana mendengar adalah wajib adapun bacanya di luar solat tidak diwajibkan”. Ulamā' Bersepakat dan memberi galakan meminta supaya diperdengarkan bacaan dari mereka yang bacaannya yang baik. Dalam kalangan salaf terdahulu mereka meminta supaya ahli-ahli al-Quran yang lunak suaranya supaya membaca dan memerdengarkan kepada mereka.

1.7 PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI TANAH MELAYU

Tradisi pengajian al-Qur'an di Tanah Melayu tersebar dengan begitu luas, semenjak kedatangan Islam dengan kemasukan penjajah British mahupun Jepun sehingga Tanah Melayu mendapat kemerdekaan. Pengajian ini telah berkembang dengan beberapa cara, bentuk dan corak sebelum mencapai tahap seperti yang dapat kita lihat pada hari ini. Perkembangan agama bermula dengan kelas al-Qur'an, mengikut Dr. Sabri Salimon,¹³⁵ perkembangan al-Qur'an di semenanjung tanah Melayu mengalami empat tahap iaitu, tahap pertama belajar di rumah-rumah guru, tahap kedua pengajian sistem pondok,

¹³⁴Nūrdīn 'Atīr, *op.cit.*, h. 286

¹³⁵Sobri Salamon (Dr.)(1988) *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, C.2, KL: al-Rahmaniyyah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, h.16

tahap ketiga ialah pengajian dalam sistem madrasah dan akhir sistem sekolah bersepadu.¹³⁶

1.7.1 Belajar di Rumah–Rumah Tok Guru

Kedatangan Islam ke kepulauan Melayu lima kurun yang lepas telah mengubah corak kebudayaan Melayu. Pengajaran dan semangat Islam telah meresap dan menggantikan tempat kebudayaan yang berasaskan kebudayaan Hindu yang sudah bertapak lama. Kejayaan orang-orang Melayu menyesuaikan diri dengan agama Islam telah menjadi satu gambaran baru bagi masyarakat Melayu. Digambarkan oleh Sayid Nasir “...Bahawa rupa kebudayaan Melayu mengemukakan sifat-sifat yang nyata. Kebudayaan Melayu itu tersirat pada pandangan hidup yang berdasarkan Islam, termasuk di dalamnya adat resam, cara-cara hidup, pendidikan dan kebiasaan tertentu. Pusaka sejak zaman-berzaman. Perkembangan ini memberi pengaruh yang besar dalam perubahan bentuk kebudayaan Melayu umum.”¹³⁷ Perlaksanaan pendidikan Islam melalui pengajian dan pengajaran al-Qur’ān di rumah guru al-Qur’ān telah bermula sebelum abad ke-20 lagi, guru-guru al-Qur’ān telah menjadikan rumah-rumah mereka sebagai tempat mengajar al-Qur’ān.¹³⁸ Setelah kebudayaan Islam dan pengaruhnya meresap ke dalam kehidupan masyarakat Melayu, pendidikan yang berasaskan ajaran Islam diterima sebagai alat proses sosialisasi kanak-kanak dalam setiap keluarga Melayu. Ilmu-ilmu lain, selain membaca al-Qur’ān, ilmu-ilmu keagamaan juga dipelajari pada masa itu. Abdullah Munshi menyebutkan tiga perkara utama yang dapat perhatian penduduk-penduduk pada masa itu, iaitu pertama mempelajari kitab-kitab Usul, iaitu perkara-perkara yang membincangkan zat Allah, sifat-sifat Allah, kekayaan dan kemuliaan Allah. Kedua, mempelajari kitab-kitab Fiqh yang mengajar perkara-

¹³⁶ Kertas Kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan (MTT2353), *Teknokrat Islam*, dicapai pada 18 Februari 2014, Lihat <http://sarjana.tripod.com/teknorat3.html>

¹³⁷ Ismail Ab.Rahman (1993) *Pendidikan Islam Malaysia*, Selangor : Malindo Printers Sdn.Bhd, h.15

¹³⁸ *Ibid.*,

perkara hukum Islam, sembahyang, puasa, haji dan sebagainya. Ketiga, mempelajari pelbagai ilmu dan hikayat yang boleh mendatangkan pengajaran dan menambah ilmu pengetahuan.¹³⁹ Pengajaran seperti ini juga dilakukan di rumah oleh para ulama yang pada masa itu yang kebanyakan mereka datang dari negara Arab, Farsi, India dan lain-lain.

1.7.2 Sistem Sekolah Pondok

Sistem pondok adalah sistem yang mirip kepada sistem madrasah. Ia telah menggunakan kaedah pengajaran di masjid Haram sebagai model di mana pusat pengajian adalah berpusat di masjid, ulama yang mengasaskannya amat mempengaruhi pola dan kaedah yang digunakan di pondok-pondok.¹⁴⁰ Berkembang dan berlanjutan untuk beberapa dasawarsa sehingga hal ini menjadi begitu popular dan sampai kepada tahap bilangan penuntut-penuntut menjadi terlalu banyak; dan dengan itu sudah tentu menimbulkan masalah bagi guru-guru agama tersebut, yang mana rumah mereka sudah tidak sesuai lagi untuk menjadi tumpuan penuntut-penuntut yang bilangan mereka terus bertambah dari masa ke semasa. Bagi mengatasi keadaan yang mendesak itu, timbulah idea mendirikan surau-surau yang berdekatan dengan rumah-rumah guru untuk menampung para penuntut yang terus datang.¹⁴¹

Ekoran daripada pengajaran di surau-surau ini, yang didesak oleh kemajuan bilangan penuntut yang terus bertambah, maka lahirlah idea mendirikan pondok-pondok kecil di sekitar surau supaya memudahkan bagi penuntut-penuntut yang jauh agar tidak perlu berulang alik lagi. Oleh itu, bermulalah sejarah sistem pengajaran pondok di Semenanjung Tanah Melayu bagi orang-orang yang hendak mempelajari agama. Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengesani sejarah awal sekolah pondok (usaha

¹³⁹Sobri Salamon Dr. (1988) *op.cit.*, h. 16-17.

¹⁴⁰Mohammad Redzuan Othman , *Masjid Haram dan Peranannya dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu*, Jurnal Usuluddin , bil 13 /2001, KL : Akademi Pengajian Islam UM, h.65

¹⁴¹Ahmad Mohd Salleh (2011), Siri Pendidikan Guru: Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajaran Islam, Edisi 2 KPLI PI & j-QAF, Selangor DE:Oxford FajarSDN. BHD , h.407

secara kecil-kecilan saja yang kebanyakan diusahakan oleh mahasiswa-mahasiswa universiti sebagai latihan ilmiah) yang mana mengikut anggapan sesetengah daripada mereka bahawa institusi sekolah pondok ini mulai berkembang ke Utara Tanah Melayu pada permulaan abad ke-19 yang dipelopori oleh ulama-ulama yang berpendidikan dari Pattani.¹⁴² Mereka ini yang membawa balik cara pendidikan sekolah-sekolah pondok ke Tanah Melayu. Sebaliknya, sebilangan penulis berpendapat bahawa institusi sekolah-sekolah pondok mulai timbul di Kedah yang didirikan oleh ulama-ulama dari Sumatera. Kebenaran pandangan kedua ini adalah amat diragukan. Namun demikian, saya berpendapat pandangan pertama yang mengatakan sistem pondok ini berasal dari Pattani adalah lebih meyakinkan serta dapat dibuktikan dengan penemuan ilmiah.

1.7.3 Sistem Madrasah

Pada awal abad ke-20, satu gerakan Islah, diimport dari Timur Tengah, sudah mula bergerak dan meluas di Asia Tenggara dan India. Gerakan Islah ini diilhamkan oleh dua tokoh Islam yang terkenal: Sayyid Jamaluddin al-Afghani (1839-1897) dan Mohammad Abduh (1849-1905). Penyambung lidah kedua tokoh ini di Semenanjung Tanah Melayu ialah Syeikh Tahir Jamaluddin al-Falaki. Pendidikan agama mengalami satu perkembangan baru sebaik sahaja ideologi Islah mulai meluas di kalangan masyarakat Islam pada masa itu, iaitu dengan kelahiran sistem Madrasah yang lebih sistematik dan lebih formal dari sistem pondok. Dalam sistem madrasah, mata pelajaran Islam sudah tidak tertumpu kepada soal-soal ibadah dan tauhid semata-mata, tetapi lebih komprehensif lagi dengan memasukkan dalam kurikulum mata pelajaran-mata pelajaran yang amat berguna dalam pendidikan Islam, seperti bahasa Arab, hisab, Geografi dan lain-lain mata pelajaran yang boleh menolong pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang sempurna. Kelahiran sistem madrasah di kalangan masyarakat Islam di

¹⁴²Ibid., h.409

Semenanjung Tanah Melayu tidak mematikan atau melemahkan sistem pendidikan pondok yang telah ada, malah mereka bergandingan dalam lapangan pendidikan Islam. Sistem pondok lebih banyak menumpukan kegiatannya di kampung-kampung dengan tidak mengenakan sebarang syarat pelajar-pelajar yang hendak masuk atau mengikuti pelajaran agama di pondok-pondok; sedangkan sistem madrasah banyak tertumpu di kawasan pekan-pekan atau pekan kecil dengan mengenakan syarat-syarat tertentu kepada murid-murid yang hendak masuk belajar, seperti had umur dan sebagainya.¹⁴³

Dengan kerjasama masyarakat setempat dan semangat ulama-ulama Islah, dalam tahun 1906 lahirlah sebuah madrasah di Bukit Martajam, Seberang Perai, bernama al-Madrasah al-Misriyah. Contoh baik yang dibuktikan oleh masyarakat Islam di Singapura, iaitu dengan lahirnya Madrasah al-Iqbāl al-Islāmiyah dalam tahun 1908; meskipun madrasah al-Iqbal ini tidak berusia panjang, Cuma setahun oleh kerana masalah kewangan, namun madrasah ini berjaya dipindahkan ke Riau, dengan nama baru: Madrasah al-Ahmadiyah. Setelah dua madrasah tersebut lahir dan memulai perkhidmatan kepada anak-anak Islam, maka sistem madrasah menjadi popular di kalangan ulama-ulama islah dan masyarakat pelajar-pelajar Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Dalam tempoh 40 tahun (1900-1940) madrasah-madrasah telah lahir di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dengan jumlah yang menggalakkan. Dalam tahun 1914 saja, dua madrasah telah dirasmikan pembukaan di Pulau Pinang: Madrasah al-Masyhūr al-Islāmiyah dan Madrasah al-Qur’ān.¹⁴⁴ Lapan tahun kemudian, dalam tahun 1922, masyarakat Islam di Kuala Kangsar berjaya mendirikan Madrasah al-Idrīsiyah. Dengan inisiatif pegawai-pegawai tinggi Melayu Terengganu yang bersemangat dengan pendidikan Islam. Madrasah Zainal Abidin telah didirikan di Kuala Terengganu dalam tahun 1925. dalam tahun 1934, lahir dua madrasah yang amat popular di kalangan masyarakat Islam Semenanjung yang sudah mulai menggugat kuasa penjajah Inggeris,

¹⁴³Ibid., h 19-20

¹⁴⁴Ibid., h. 20-21

iaitu Ma'ahad Ehya al-Sharif Gunung Semanggul, Perak, yang menjadi wadah kegiatan pergelakan politik Islam, dan Ma'ahad Mahmud, Alor Setar, Kedah yang menjadi pusat kegiatan pelajar-pelajar Islam Semenanjung.¹⁴⁵

1.7.4 Sistem Kurikulum Bersepadu

Penyata pelajaran Razak 1956 dan Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960 memberi gambaran yang amat berbeza dari segi perspektif dan sistem pelajaran madrasah, iaitu jaminan ekonomi lebih jelas bagi pelajar-pelajar yang lulus dari sekolah-sekolah kerajaan,. Tapi pada 1988 dalam reformasi pendidikan Islam di sekolah kerajaan, kurikulum bersepadu sekolah menengah diperkenalkan. Pelajaran al-Qur'an merupakan teras dalam pembelajaran Pendidikan Agama Islam. Hampir dua pertiga dari keseluruhan pembelajaran Pendidikan Agama Islam di sekolah memberi tumpuan kepada pembelajaran dan pendidikan al-Qur'an. Tumpuan yang begitu luas kepada pembelajaran al-Qur'an di sekolah rendah adalah bertujuan untuk mempertingkatkan keupayaan anak-anak Islam di dalam menguasai kemahiran membaca al-Qur'an.¹⁴⁶ Perancang-perancang Kurikulum Pendidikan Islam menyedari, sejak dua dekad tahun 60-an dan 70-an, didapati ada tanda-tanda anak-anak Islam kurang mahir dan tidak mahir membaca al-Qur'an. Beberapa kajian yang dibuat pada akhir ini, mendapati hampir 70% pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah tidak boleh membaca al-Qur'an.¹⁴⁷ Berdasarkan kajian yang dibuat, salah satu faktor pelajar-pelajar tidak boleh membaca al-Qur'an ialah kerana Kurikulum Pendidikan Agama Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah kurang memberi tumpuan kepada pembelajaran al-Qur'an yang sekadar satu waktu (30 minit) dan dua waktu (60 minit) seminggu. Di peringkat Sekolah Rendah tidak memadai untuk membolehkan pelajar menguasai

¹⁴⁵ Ahmad Mohd Salleh (2011), *op.,cit*, h.411

¹⁴⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia(1997) *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h37

¹⁴⁷ Wan Bakar b. Wan Dagang, *Pengajaran dan Pendidikan al-Qur'an dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)* Jurnal Pendidikan Islam, Jld 3 Bil3 Dis 1990, Selagor: ABIM, h.21-22

kemahiran membaca al-Qur'ān.¹⁴⁸ Manakala pendidikan al-Qur'ān yang sekadar membaca dan memahami sejumlah ke jumlah kecil ayat-ayat al-Qur'ān di Sekolah Menengah pula tidak upaya untuk melanjut dan menyuburkan kebolehan membaca al-Qur'ān dalam kalangan pelajar-pelajar. Berpandukan pengumpulan data sejarah, mengikut pandangan saya kaedah yang diguna pakai adalah berpandukan buku Muqaddam atau dikenali dengan kaedah Baghdādiyah.¹⁴⁹ Buku tersebut dibahagikan kepada dua bahagian: pertama memperkenalkan huruf-huruf *hija'iyyah*, huruf-huruf bersambung dan berbaris dan bahagian kedua ialah susunan ayat-ayat al-Qur'ān dari juzuk' akhir (juz 30). Apabila selesai dari mengenal dua bentuk huruf ini barulah dipindahkan membaca al-Qur'ān dari mashaf besar bermula dari surah al-Baqarah. Kaedah Baghdādiyah¹⁵⁰ ini hanya menumpukan kepada pembinaan kemampuan dari satu aspek sahaja iaitu pembacaan. Walau bagaimanapun, cara ini telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam Melayu tradisional dalam membina kemahiran membaca al-Qur'ān. Kaedah ini kurang dilaksanakan pada masa kini kerana keterbatasan masa dan tuntutan kepada al-Qur'ān itu sendiri.

Oleh itu, di dalam reformasi pendidikan yang bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (1983) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1989) telah meletakkan pembelajaran dan pendidikan al-Qur'ān sebagai teras kepada pendidikan Islam untuk mencapai matlamat ke arah melahirkan generasi al-Qur'ān yang mahir membaca, memahami, mengkaji dan serta menghayati ajarannya.

1.8 KESIMPULAN

Al-Qur'ān telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W secara beransur-ansur, melalui Malaikat Jibrīl A.S. Baginda akan menyampaikan ayat-ayat tersebut kepada para sahabat. Para sahabat merakamkan ayat-ayat itu dengan menulisnya pada pelepas

¹⁴⁸Ibid., h.21

¹⁴⁹Edisi lama sebelum pembaharuan dan diubahsuai oleh Yusuf Zaki Yaakub

¹⁵⁰Abd.Halim El-Muhammady (Dr.)(1990), *op. cit.* h.2-3

tamar, belulang, kepingan batu yang nipis dan bahan-bahan lain. Sahabat Nabi lebih menekankan kepada penghafalan. Oleh yang demikian, semasa Baginda wafat, terdapat ramai Qurrā' yang menghafal 30 juzuk dan menghayati al-Qur'ān. Pengumpulan ayat-ayat al-Qur'ān di zaman khalīfah Abu Bakar al-Siddiq R.A, telah diamanahkan kepada Zaid bin Thabit R.A. Setelah menyempurnakan tugas pengumpulan tersebut, beliau menyerahkan salinan dan disimpan sehingga beliau meninggal dunia. Kemudian disimpan oleh ‘Umar bin al-Khaṭṭab, yang disimpan oleh Ḥafṣah binti ‘Umar. Semasa ‘Uthmān ibn ‘Affān Beliau telah menyeragamkan sebutannya dalam dialek Quraisy dengan Rasm ‘Uthmānī dan inilah bentuk yang ada dan digunakan sehingga ke hari ini. Kesemua proses ini adalah untuk mengekalkan pendidikan al-Qur'ān sebagai *manhaj tarbawi mutakamil* yang sesuai pada setiap zaman dan tempat. Kewajipan tanggungjawab untuk mengekalkan al-Qur'ān adalah perkara yang dituntut, maka dengan penyelidikan ini akan menjadi saham besar kepada memartabatkan pengajian al-Qur'ān.